



# HAB PENDIDIKAN SERANTAU

“Menjadi tanggungjawab moral Kerajaan Negeri membangunkan UNISEL sebagai pusat kecemerlangan ilmu kerana kita mahu menjadikan Selangor sebagai hab pendidikan serantau”

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI, MENTERI BESAR**

**BERITA PENUH MUKA 4&5**



# POLIS PERLU TUMPU KES JENAYAH BUKAN PAPAN IKLAN

**Genap 8 tahun PAKATAN mentadbir**

**6**

**Musim panas: Bekalan air cukup**

**8**

**Kenali SMART SELANGOR**



**14&15**

**BERITA PENUH MUKA 2**



## Isu papan iklan #BebasAnwar

**MB: Polis perlu tumpu isu jenayah**

**SHAH ALAM** - Polis sepatutnya memberikan tumpuan khusus kepada isu penting membabitkan jenayah dan keselamatan rakyat bukan berkenaan papan iklan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri masih menunggu makluman rasmi daripada polis berkenaan isu papan iklan #BebasAnwar sebelum mengambil sebarang tindakan susulan.

"Papan iklan itu hanya peringatan kepada rakyat bahawa Anwar adalah tahanan politik seperti disahkan PBB dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

"Tetapi ada pihak lebih takut kepada Anwar dan papan iklan. Lebih baik polis fokus kepada

kes jenayah dan bukannya isu kewujudan papan iklan ini," katanya kepada media pada 21 Mac lalu.

Katanya, sebarang urusan perlu dibuat melalui kenyataan rasmi dan bukannya arahan dikeluarkan melalui *Twitter*.

"Ini adalah perkara rasmi dan saya memerlukan penjelasan lanjut berkenaan isu ini dan apakah kesalahan itu?"

"Jika kenyataan (polis) keluar melalui *Twitter*, adakah berbaloi kita berurusan melalui *Twitter*?" katanya.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengarahkan di *Twitter* mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) menurunkan papan iklan itu.

**Khairy patut letak jawatan isu rasuah**

**PETALING JAYA** - Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin perlu bertanggungjawab terhadap kes pegawai tinggi di Kementerian itu yang didakwa terlibat penyelewengan berjumlah RM100 juta.

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil, berkata Khairy tidak seharusnya berdiam diri dan hanya mengeluarkan kenyataan media berkenaan kejadian itu.

"Imej Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sudah tercemar, langkah terbaik beliau berundur dan meletakkan jawatan segera," katanya dalam kenyataan media pada 21 Mac lalu.

Fahmi membangkitkan persoalan jika Khairy tahu dan sedar berkenaan tingkah laku pegawai

**Fahmi Fadzil**

itu selama ini.

"Jika tidak, bagaimana orang nombor satu KBS tidak tahu berkenaan perkara ini?"

"Atau adakah sistem pemantauan sedia ada begitu longgar sehinggakan menteri tidak tahu berjuta ringgit hilang tanpa pro-

gram dijalankan," katanya.

Katanya, tertangkapnya pegawai KBS itu membuka persoalan termasuk bagaimana pegawai terbabit boleh dibiarkan memegang jawatan penting.

"Siapakah pegawai atasan bertanggungjawab ke atas tertib pegawai itu dan apakah sistem semak dan imbang sedia ada memadai?" katanya.

Sementara itu, setiausaha bahagian di KBS yang ditahan untuk kes rasuah itu dikenakan tindakan serta-merta.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata, tindakan terhadap pegawai itu diambil di bawah peraturan 43 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (kelakuan dan tatatertib).

**Jangan campur urusan PBT**

**SHAH ALAM** - Ketua Polis Negara (IGP) sewajarnya lebih profesional dalam menjalankan tugas tanpa perlu mencampuri pengurusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin, berkata tindakan polis menurunkan papan iklan #BebasAnwar dianggap provokasi disengajakan untuk mendapat respon beremosi.

"Tindakan ini tidak wajar, wujud saluran betul boleh digunakan jika beliau melarang papan tanda itu," katanya dalam kenyataan.

Ketua Wanita KEADILAN itu mengulas tindakan pihak polis menurunkan tiga papan tanda #BebasAnwar di Ampang 21 Mac lalu.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Macang Bubuk di Pulau Pinang, Lee Khai Loon berkata wujudnya sikap 'double standard' polis berkenaan isu itu.

"Papan iklan mendapat kelulusan PBT diturunkan polis sekelip mata.

"Tetapi, individu mengugut membakar papan iklan hanya diperhati polis tanpa tindakan," katanya.

**Kesihatan Anwar baik**

**KUALA LUMPUR** - Kesihatan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan baik meskipun beliau masih mengalami kesakitan bahu.

Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, Anwar kini mengurangkan kebergantungan terhadap ubat memandangkan ia boleh memberikan kesan kepada buah pinggangnya.

Terdahulu, Wan Azizah menerima kunjungan hormat Dr Abdul Mawgoud Dardery dari Centre of Egyptian-American Dialogue (CEAD) di pejabatnya di Tingkat 14 Bangunan Parlimen pada 21 Mac lalu.

"Baru-baru ini beliau dimasukkan ke hospital kerana tekanan darahnya tinggi dan ujian tekanan jantungnya ditunda akibat darah tinggi tidak menentu.

"Kini tekanan darahnya dikawal dan ujian tekanan menunjukkan jantung beliau baik," kata Wan Azizah.



**Baru-baru ini beliau dimasukkan dalam hospital kerana tekanan darahnya tinggi dan ujian tekanan jantungnya ditunda akibat darah tinggi tidak menentu.**

**DR WAN AZIZAH**  
Presiden KEADILAN



**SEJARAH...** Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan senyuman kepada orang ramai di kamar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 22 Mac lalu sebelum memulakan kes saman beliau terhadap Datuk Seri Nallakurappan. Ia menjadi sejarah apabila beliau menjadi peguam sendiri kerana pihak berkuasa mengehadakan pertemuan dengan peguam sehingga persediaan percabaran kes terganggu.



Terima ugutan dan ancaman

# Penjawat awam jangan gentar

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berharap penjawat awam tidak gentar terhadap sebarang ancaman dan ugutan dalam menjalankan perkhidmatan sebaiknya.

Sebaliknya, Mohamed Azmin berkata, penjawat awam perlu mengambil contoh kes Pegawai Daerah Hulu Langat yang tetap komited menjalankan tugas meskipun menerima ugutan lontaran tiga 'molotov cocktail' daripada pihak tidak bertanggungjawab, 17 Mac lalu.

"Jangan tunduk kepada ugutan dan ancaman sebegini kerana dalam suasana ekonomi hari ini sudah tentulah kadar jenayah meningkat.

"Ugutan dan ancaman juga meningkatkan ekoran mereka (pesalah) tidak membenarkan anggota perkhidmatan awam menjalankan tugas dengan baik.

"Tetapi saya gembira apabila bertemu dengan mangsa, beliau memberitahu supaya tidak bimbang kerana ugutan ini menguatkan semangatnya untuk bertindak



**Mohamed Azmin menziarahi kediaman mangsa dilempar 'molotov cocktail' di Bandar Baru Bangi**

lebih tegas terhadap mereka yang melakukan kerosakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 21 Mac lalu.

Pada 20 Mac lalu, Mohamed Azmin meluangkan masa menziarahi kediaman penjawat awam yang terbabit insiden dibaling bom botol bagi memberikan sokongan kepada

mangsa sekeluarga.

Beliau bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Bangi, Dr Mohd Shafie Ngah, Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat dan Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Supritendan Abdul Ghani Mohamad Ji meluangkan masa hampir satu jam di rumah mangsa.

Letupan itu menyebabkan sebuah motosikal diletakkan di halaman rumah rosak selain kesan terbakar di lantai.

## Kekal integriti ke arah negeri bebas rasuah

**SHAH ALAM** - Penjawat awam perlu berpegang teguh pada prinsip memerangi rasuah bagi mengekalkan integriti ke arah pentadbiran negeri bebas rasuah.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata lafaz ikrar perkhidmatan awam perlu diterjemahkan dalam bentuk pelan tindakan.

"Apa maknanya kalau kita membaca ikrar perkhidmatan awam setiap bulan yang mana antara kandungannya membentaras rasuah, tetapi ada Kementerian lesap RM100 juta ringgit?"

"Pembayaran dibuat, program-

nya tiada, yang ada cuma beg tangan mewah dan sudah tentulah perkara ini tidak boleh berterusan.

"Sebab itu saya ingatkan bahawa ikrar kita baca itu perlu difahami dan mesti diterjemahkan dalam bentuk tindakan," katanya pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan di Auditorium Dewan Jubli Perak, di sini, 21 Mac lalu.

Terdahulu, pegawai Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas didakwa menggelapkan kira-kira RM100 juta dana Kementerian se-

jak enam tahun lalu.

Tidak mahu kejadian sama berlaku di negeri ini, Mohamed Azmin berkata, penjawat awam perlu memanfaatkan hasil kekayaan Selangor dengan bijak tanpa didorong melakukan penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Allah sedang menguji kita khususnya kepimpinan di semua peringkat untuk menguruskan hasil mahsul kekayaan Selangor dengan amanah dan bertanggungjawab.

"Saya percaya anggota perkhidmatan awam terus mempertahankan ikrar dilafazkan," katanya.

## Guna saluran betul bukan terlibat curi pasir

**KAJANG** - Syarikat tertentu yang ingin menjalankan aktiviti jual beli pasir perlu melalui prosedur dan saluran ditetapkan Kerajaan Negeri.

Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli, berkata permohonan perlu dibuat kepada Majlis Daerah sebelum mendapat kelulusan bagi tujuan operasi terbabit.

"Pihak berkuasa tegas menangani kegiatan curi pasir di kawasan ini yang sudah terlalu keterlaluan.

"Sewajarnya pihak terbabit perlu melalui saluran betul dan membuat pembayaran cukai demi manfaat rakyat bersama, tetapi malangnya prosedur itu tidak dipatuhi dan tidak hairan pihak berkuasa komited memeringi isu ini," katanya kepada SelangorKini, 18 Mac lalu.

Pegawai Daerah Hulu Langat, Zulkefli Khalid, berkata kejadian menimpa petugasnya dipercayai akibat tidak puas hati dengan tindakan membanteras kegiatan itu di kawasan terbabit.

"Ini adalah kali pertama petugas saya mengalami kejadian sebegini dan mungkin ia berkenaan tugas dilakukannya.

"Saya harap kejadian ini tidak

lagi berulang dan mohon pihak berkuasa lebih prihatin menangani perkara sebegini," katanya dipetik BERNAMA.

Sementara itu, mangsa yang enggan dikenali memberitahu ia bukan kali pertama beliau menerima ugutan daripada pihak tidak menyenangkan tindakannya membanteras kegiatan curi pasir serta memantau struktur bangunan haram di atas tanah milik kerajaan.

Katanya sejak berkhidmat di Pejabat Daerah Hulu Langat lapan bulan lalu, lebih 10 laporan polis dibuat berkenaan ancaman keselamatan dirinya.

"Saya banyak terlibat dengan tugas penguatkuasaan berkenaan kegiatan curi pasir, tapak sampah haram dan melanggar syarat guna tanah malah ketika menjalankan tugas, ada individu bertindak mengugut saya secara lisan di tempat kejadian.

"Bagaimanapun, saya tidak mengendahkan ugutan itu tetapi sejak pertengahan tahun lalu ugutan yang diterima semakin menjadi-jadi menyebabkan saya nekad membuat laporan polis," katanya.



## Selangor mahu keselamatan kakitangan awam dilindungi

**SABAK BERNAM** - Kerajaan Negeri memberi sokongan penuh dan tegas mempertahankan pihak berkuasa negeri dan peggawainya yang menjalankan tindakan membanteras kegiatan menyalahi undang-undang didalangi pihak tertentu.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata keselamatan pegawai dan kakitangan jabatan serta agensi Kerajaan Negeri sentiasa menjadi keutamaan pihaknya.

Beliau turut meminta polis menjalankan siasatan berkenaan kes rumah seorang penjawat awam dilempar bom pada 17 Mac lalu.

"Saya memaklumkan pegawai daerah supaya perkara ini diserahkan kepada polis dan saya

percaya siasatan terperinci sedang dijalankan mereka.

"Kita mahu keselamatan pegawai kita dilindungi," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, insiden itu dipercayai dilakukan ekoran tindakan pegawai terbabit yang tegas menjalankan tugas dan tidak berkompromi.

"Keselamatan mereka harus dijaga dan saya memberi doongan penuh kepada pegawai daerah dan semua yang menjalankan tugas demi kepentingan rakyat," katanya.

Terdahulu, rumah Penolong Pegawai Daerah Hulu Langat di Bandar Baru Bangi dilempar tiga bom 'molotov cocktail' kira-kira jam 6.30 pagi.





Ke arah pusat kecemerlangan

# MB: Pendidikan pelaburan pemberdayaan rakyat berilmu

OLEH SYASYA SUFIAN

**BESTARI JAYA** - Selangor menyasarkan negeri itu menjadi sebagai pusat kecemerlangan dan hab pendidikan serantau bertepatan dengan status negeri industri selain menyediakan tenaga mahir secukupnya.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata falsafah pendidikan perlu dilihat dalam konteks berteraskan gabungan kepakaran, ketrampilan dan pembentukan nilai murni.

Katanya, pendidikan bukan sekadar pelaburan ekonomi sahaja malahan pelaburan pemberdayaan rakyat mendapatkan ilmu dan pendidikan.

Justeru menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri menyediakan ruang mendapatkan pendidikan serta akses kemudahan pendidikan berkualiti kepada rakyat.

"Menjadi tanggungjawab moral Kerajaan Negeri untuk membangunkan UNISEL sebagai pusat kecemerlangan ilmu kerana kita mahu menjadikan Selangor sebagai hab pendidikan serantau," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu lawatan ke UNISEL di Bestari Jaya, di sini, pada 17 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, inisiatif turun padang ke UNISEL bersama pimpinan negeri untuk memberikan mesej bagi menzahirkan komitmen ke arah memperkasakan pendidikan di negeri itu.

Dalam lawatan bermula kira-kira jam 1 petang, Mohamed Azmin turut solat berjemaah di Masjid UNISEL sebelum makan tengah hari bersama pensyarah, mahasiswa serta pimpinan pelajar di universiti itu.

Beliau juga meluangkan masa mendengar keluhan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISEL yang mewakili lebih 9,000 pelajar antara lain menyarankan penurunan yuran asrama di Bestari Jaya.

Turut dicadangkan supaya disediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor serta



**Menjadi tanggungjawab moral Kerajaan Negeri untuk membangunkan UNISEL sebagai pusat kecemerlangan ilmu kerana kita mahu menjadikan Selangor sebagai hab pendidikan serantau**

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

memberikan subsidi nasi dan sayur bagi pelajar UNISEL.

Mohamed Azmin berkata, memorandum MPP UNISEL itu sudah diteliti dan dilihat kewajaran pelaksanaan tuntutan itu bagi dipertimbangkan secara positif.



## RM44 juta baik pulih prasarana

**BESTARI JAYA** - Kerajaan Negeri memperuntukkan dana tambahan berjumlah RM44 juta bagi menaik taraf dan membaik pulih prasarana Universiti Selangor (UNISEL) di Bestari Jaya, Kuala Selangor, dekat sini.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri mengenal pasti masalah dihadapi UNISEL yang perlu ditangani segera melalui peruntukan besar bagi meningkatkan prasarana.

Dalam lawatan turun padang ke UNISEL pada 17 Mac lalu, beliau bersama pimpinan negeri dan universiti meninjau keadaan perpustakaan UNISEL bagi memperbaiki kemudahan itu.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Mo-

hamed Azmin ke Kampus UNISEL Bestari Jaya walaupun sebelum ini beliau pernah beberapa kali ke universiti itu menghadiri Istiadat Konvokesyen setiap tahun.

Katanya, beliau juga meninjau beberapa bangunan fakulti yang perlu pembaikan dan naik taraf dengan keperluan mendesak seperti Teknologi Maklumat (ICT).

"Seperti komputer yang terlalu lama dan perlu ditukar segera itu sahaja menelan belanja hampir RM25 juta," katanya.

Sementara itu, hasil lawatan kerja itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor akan melakukan kajian forensik untuk meninjau struktur bangunan UNISEL di Bestari Jaya bagi menjamin keselamatan pelajar.





DMU ucap syabas

# Mahasiswa hargai keprihatinan Kerajaan Negeri



**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor dan kepimpinan Universiti Selangor (UNISEL) diyakini mampu menyelesaikan permasalahan dihadapi di kampus utama UNISEL Bestari Jaya.

Koordinator Demi Mahasiswa UNISEL (DMU), Abdul Kahar Abdul Manaf, berkata DMU mengucapkan tahniah kepada pimpinan Kerajaan Negeri apabila turun padang melihat masalah dihadapi mahasiswa dan mahasiswi UNISEL.

"Syabas khususnya kepada pimpinan Kerajaan Selangor

yang sanggup turun padang demi melaksanakan agenda pembangunan modal insan.

"DMU yakin pentadbiran Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, mampu menyelesaikan kemelut dihadapi masyarakat UNISEL," katanya dalam kenyataan media pada 19 Mac lalu.

Katanya, isu prasarana dan fasiliti dihadapi seperti perpustakaan dan fakulti mendapat perhatian serius dan diberikan keutamaan Menteri Besar sendiri.

"Komitmen Kerajaan Negeri membantu membangun UNISEL sudah berada di landasan betul dan perlu disokong masyarakat UNISEL sendiri.

"Pada masa hadapan, diharapkan perbincangan dua hala antara pimpinan Kerajaan Negeri dan mahasiswa serta mahasiswi diperbanyakkan.

Katanya, DMU yang mewakili suara mahasiswa dan mahasiswi UNISEL Bestari Jaya terus menyokong usaha dijalankan menaikkan taraf sistem pendidikan di universiti itu.

## Perkasakan pendidikan vokasional dan teknikal

**BESTARI JAYA** - Kerajaan Negeri mahu pendidikan vokasional dan teknikal diberikan penumpuan khusus sebagai persediaan ke arah negeri berintensif modal dan berteknologi tinggi.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata dalam keadaan ekonomi di Selangor yang kukuh dan baik, beliau inginkan sektor pendidikan diberi keutamaan khususnya di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

"Untuk merealisikannya, Kerajaan Negeri bertanggungjawab menyediakan tenaga kerja terla-

ti dan mahir, sistem pendidikan negara perlu dirombak seperti saya bahaskan di Parlimen.

"Ia supaya Kerajaan Persekutuan menumpukan soal pendidikan vokasional dan teknikal sebagai asas pendidikan negara," katanya selepas lawatan ke Kampus UNISEL Bestari Jaya, di sini pada 17 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata Kerajaan Persekutuan perlu memperkasakan pendidikan vokasional dan teknikal seperti dilaksanakan di negara maju seperti Jerman dan Jepun.

Namun, katanya, Kerajaan Persekutuan hanya mempe-

runtukkan belanjawan kecil untuk pendidikan vokasional dan teknikal.

"Jadi kita mulakan di peringkat negeri untuk memastikan universiti di Selangor ada kurikulum vokasional dan teknikal.

"Untuk itu, kita mahu beberapa isu prasarana di UNISEL yang daif diberikan perhatian. Tidak mungkin kita mewujudkan jabatan baru yang boleh menumpukan soal vokasional jika prasarana ini tidak dinaik taraf terlebih dahulu.

"Saya mahu pastikan masalah ini ditangani segera supaya matlamat pendidikan dapat dicapai," katanya.

## Terima manfaat RM4.95 juta Biasiswa Selangorku

**SHAH ALAM** - Seramai 103 pelajar Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menerima manfaat Biasiswa Selangorku berjumlah RM4.95 juta.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata pemberian biasiswa itu diharap mampu melahirkan mahasiswa berdaya saing.

"Kami mahu pelajar mempunyai kebolehan seimbang agar memenuhi hasrat melahirkan generasi muda memacu perkembangan pendidikan," katanya.

Beliau berkata semasa Majlis Perasmian dan Penyerahan Surat Tawaran Program Khas Biasiswa Selangorku di Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, pada 22 Mac lalu.

Penuntut Ijazah Teknologi Makmal Perubatan UNISEL, Deeneshavathy Thasarathen, 22, memuji pendekatan posi-

**Kami mahu pelajar mempunyai kebolehan seimbang agar memenuhi hasrat melahirkan generasi muda memacu perkembangan pendidikan**

**NIK NAZMI**  
Exco pendidikan

tif dalam memastikan generasi muda tidak tercicir menerima bantuan.

"Selama ini, keluarga saya bayar yuran pengajian dengan adanya bantuan ini lebih memudahkan menghabiskan pengajian ijazah saya.

"Kita ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri apabila terus membantu generasi muda," katanya.



## SELANGOR SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB

**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus

**PENGARANG:** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

**WARTAWAN:**

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhammad: noraizie@mediaselangor.com

**PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLAMAN:**

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

**JURUGAMBAR:** Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com



Lapan tahun pentadbiran Pakatan

# Terima kasih rakyat Selangor!

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**PETALING JAYA** - Sokongan rakyat terhadap dasar Kerajaan Negeri sepanjang lapan tahun pentadbiran Pakatan di Selangor dihargai Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa mengambil kira pandangan rakyat dalam usaha mengukuhkan lagi kemudahan infrastruktur dan pembangunan ekonomi negeri.

"Alhamdulillah rakyat gembira dan menerima pelbagai dasar diperkenalkan Kerajaan Negeri

sepanjang lapan tahun pentadbiran Pakatan.

"Kejayaan inilah yang meletakkan asas cukup baik kepada kepimpinan negeri untuk menjadikan Selangor lebih maju," katanya selepas Majlis Pelancaran Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2015-2020 di sini, 17 Mac lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Selangor dilihat lebih terbuka dan memahami keperluan rakyat berbanding Putrajaya yang tertutup jika membabitkan urusan pentadbiran negara.

Katanya, suara rakyat Selangor

tidak pernah diketepikan dalam usaha merancang lagi pembangunan menyeluruh di peringkat negeri.

"Kita sentiasa membuat perbincangan bersama rakyat kerana kita mahu rakyat terlibat sama dalam proses pembangunan ini.

"Saya tidak fikir ia dilaksanakan sedemikian rupa di peringkat Kerajaan Persekutuan kerana pendekatan inilah yang kita gunakan untuk memastikan pembangunan dan kemajuan dapat dinikmati seluruh rakyat Selangor," katanya.



## Pakatan diharap terus komited

**PETALING** - Rata-rata rakyat gembira terhadap perubahan dibawa Pakatan di Selangor sepanjang lapan tahun pentadbirannya di negeri itu.

Pengerusi KRT Sunway Mentari, Michael Lim, berkata ekonomi Selangor juga semakin pulih dan bertambah baik di bawah Kerajaan Negeri.

"Selangor antara negeri termaju dan ekonomi juga baik berbanding negeri lain, malah pengumuman Menteri Besar terhadap peruntukan dan perbelanjaan negeri menunjukkan komitmen membawa perubahan berbanding pemerintah terdahulu.

"Namun, masih ada beberapa kawasan yang perlu dinaik taraf, jadi saya sarankan Kerajaan Negeri mengambil perhatian lebih," katanya kepada SelangorKini.



Michael Lim

Pekerja Khidmat Pelanggan, Salmah Shahid, berkata Kerajaan Negeri sudah melaksanakan pelbagai agenda di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) khususnya kepada golongan wanita.

"Saya menyertai program di bawah Kerajaan Negeri seper-

ti Pusat Wanita Berdaya (PWB) hampir lima tahun dan banyak aktiviti pembangunan ekonomi wanita dijalankan.

"Dulu tidak ada aktiviti sebegini di Selangor, tetapi sekarang kita dapat ilmu bermanfaat," katanya.

Sementara itu, Suri Rumah, Norsalwa Abdullah, berkata sektor pendidikan juga semakin diambil perhatian lebih sejak ditadbir Pakatan.

"Berbeza sewaktu pemerintahan terdahulu, kita tidak nampak manfaatnya untuk rakyat sedangkan ekonomi sekarang lebih teruk berbanding dulu.

"Saya harap Pakatan terus komited memajukan Selangor kerana rakyat akan terus memberikan sokongan kepada kerajaan mengutamakan rakyat," katanya.

TINJAUAN  
ORANG RAMAI  
**LAPAN  
TAHUN  
PAKATAN**

Rakyat berpuas hati terhadap pentadbiran Pakatan di Selangor

Nureen Mashi Mohd Fatdil  
Penjawat Awam

Kerajaan Negeri kini nampak lebih konsisten dan bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan isu berbangkit terutama membabitkan kepentingan rakyat Selangor

Melati Shamsuddin  
Penjawat Awam

Sepanjang hampir 30 tahun berkerja sebagai penjawat awam Selangor, saya akui sangat senang bekerja di bawah pentadbiran sekarang berbanding pentadbiran sebelum ini



Jika ada masalah, pemimpin lebih cepat turun padang untuk mendengar sendiri satu-satu isu, malah pentadbiran Pakatan juga tidak terlalu protokol dan lebih mesra rakyat

Nor Asilah Adenan  
Penjawat Awam

## Pembangunan dan kebajikan wanita terus terpelihara

**SHAHALAM**-Aspek pembangunan dan kebajikan wanita tidak pernah dipinggirkan sepanjang lapan tahun pentadbiran Pakatan di Selangor.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Negeri menzahirkan usaha itu menerusi dasar dan program Merayatkan Ekonomi Selangor (MES).

"17 program di bawah MES, kekayaan hasil bumi Selangor ini dikongsi bersama rakyat dan inilah antara kejayaan manis pentadbiran kita di Selangor.

"Setelah lapan tahun, kita berjaya menambah pelbagai program, antaranya Bas Smart Selangor yang menjadi identiti perkongsian Kerajaan Negeri bersama rakyat.

"Bagi wanita pula, Pusat Wanita Berdaya (PWB) dilihat sangat memberi manfaat dengan sambutan cukup baik kepada golongan itu," katanya kepada SelangorKini, 16 Mac lalu.

Pada masa sama, Daroyah berkata, pentadbiran bersih dan telus menjadi cermin buat Pakatan berbanding tata kelola Kerajaan Persekutuan yang terpalit pelbagai skandal dan penyelewengan kuasa.

"Ini menjadi prinsip dan asas kita untuk terus melaksanakan segala dasar membantu rakyat," katanya.

**Setelah lapan tahun, kita berjaya menambah pelbagai program, antaranya Bas Smart Selangor yang menjadi identiti perkongsian Kerajaan Negeri bersama rakyat. Bagi wanita pula, Pusat Wanita Berdaya (PWB) dilihat sangat memberi manfaat**

**DR DAROYAH ALWI**  
Exco Hal Ehwal Wanita dan Keluarga

Rakyat Selangor memberi mandat besar kepada Pakatan apabila 44 kerusi Dewan Negeri Selangor (DNS) berjaya dimenangi gagasan itu.

la sekali gus memberikan Pakatan majoriti dua pertiga di dalam DNS, manakala Barisan Nasional (BN) menguasai 12 kerusi.



Pengangguran graduan

# 54,867 belum dapat pekerjaan

OLEH AFIX REDZUAN

**KUALA LUMPUR** - Sejumlah 54,867 graduan yang masih belum mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan sebelum konvokesyen tidak mencerminkan keadaan sebenar di lapangan.

Ahli Parlimen



Bukit Katil, Shamsul Islandar Mohd Akin, berkata angka mewakili 23.9 peratus berdasarkan kajian penanda aras kebolehan pasaran graduan itu sebenarnya lebih besar jika dilihat lebih teliti di lapangan.

Katanya, graduan pendidikan dan kedoktoran adalah antara sektor yang mencatatkan jumlah pengangguran tinggi di negara ini.

"Penanda aras dikemukakan tidak mencerminkan keadaan sebenar. Sebagai contoh, graduan kedoktoran dahulu terdapat laporan media menyebut 'from doctor to waiter'.

"Bukan sedikit mereka yang menceburi bidang pekerjaan tidak sama dengan apa dipelajari," katanya di Dewan Rakyat pada 17 Mac lalu.

Terdahulu, Menteri Pendi-

**Bukan sedikit mereka yang menceburi bidang pekerjaan tidak sama dengan apa dipelajari**

**SHAMSUL ISLANDAR**  
Ahli Parlimen Bukit Katil

dikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam sesi jawab lisan di Parlimen memaklumkan Malaysia menetapkan tempoh tiga bulan untuk kajian penanda aras kebolehan pasaran graduan.

Namun, tempoh setahun digunakan kebanyakan negara luar bagi kajian sama.

Katanya, jumlah kajian graduan tidak mendapat pekerjaan akan lebih tinggi jika tempoh setahun digunakan di Malaysia.

## Tindakan menteri halang soal isu 1MDB dipertikai

**KUALA LUMPUR** - Tindakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman menghalang soalan berkenaan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) di Parlimen dipertikaikan.

Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa, berkata arahan untuk menghalang soalan terbabit sepatutnya dikeluarkan Speaker Dewan Rakyat, bukannya menteri.

"Arahan itu sepatutnya tidak datang daripada seorang menteri.

"Dia (Azalina) tidak mengendali Dewan Rakyat, tetapi sekarang berkelakuan seperti Speaker," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen, 17 Mac lalu.

Terdahulu, Azalina dalam satu kenyataan memberitahu soalan berkenaan derma politik RM2.6 bilion yang dimasukkan ke akaun persendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak boleh lagi dibangkitkan di Parlimen.

Beliau berkata, ia ekoran



**Dia (Azalina) tidak mengendali Dewan Rakyat, tetapi sekarang berkelakuan seperti Speaker**

**R SIVARASA**  
Ahli Parlimen Subang

perbincangan itu bersifat subjudis susulan semakan kehakiman difailkan Majlis Peguam terhadap Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

## Pekerja potong 3% KWSP dicadang isi borang

**PUTRAJAYA** - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan pekerja yang bersetuju mengurangkan tiga peratus daripada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) perlu mengisi borang khas.

Pemangku Presiden MTUC, Abdullah Sani Abdul Hamid, berkata peraturan mensyaratkan pekerja mahu mengekalkan caruman sebanyak 11 peratus perlu mengisi borang KWSP17A (Khas2016) menyulitkan golongan pekerja.

"Hasil kajian MTUC mendapati majoriti pekerja tidak bersetuju pengurangan caruman KWSP se-

banyak tiga peratus apatah lagi memaksa pekerja mengisi borang khas jika mahu mengekalkan caruman," katanya memetik BERNAMA, 18 Mac lalu.

Pada masa sama, Abdullah Sani berkata, pengurangan caruman KWSP merugikan pekerja sektor swasta yang hanya mengharap wang berkenaan sebagai simpanan tanpa pencen.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 28 Januari lalu mengumumkan kadar caruman KWSP pekerja dikurangkan sebanyak tiga peratus bermula Mac sehingga Disember 2017.

Bagaimanapun, kadar caruman majikan dikekalkan.



### PELAWAAN MEMBERI CADANGAN

#### RAKAN USAHASAMA UNTUK MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") ditubuhkan dibawah Enakmen Menteri Besar Selangor [Enakmen No: 3 1994] pada 21 September 1994, untuk mentadbir aset berunsur perniagaan milik Kerajaan Negeri Selangor.

MBI mempelawa pemohon yang layak untuk mengemukakan cadangan menjadi rakan agensi kreatif bagi merencana pelan komunikasi dan perancangan strategik bagi mempromosikan inisiatif Smart Selangor.

Pelawaan dibuka kepada semua pemohon yang memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:

- Modal saham berbayar sekurang-kurangnya RM250,000.00.
- Berpengalaman menjadi agensi kreatif bagi syarikat/agensi korporat di peringkat nasional atau antarabangsa.
- Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan beroperasi di Malaysia.

- Pemohon perlu memuat turun Borang Pelawaan Memberi Cadangan yang turut mengandungi maklumat skop kerja serta penerangan mengenai Smart Selangor di laman web [www.mbiselangor.com](http://www.mbiselangor.com) dan [www.bm.selangorku.com](http://www.bm.selangorku.com).
- MBI berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, atau membatalkan pelawaan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan yang dibuat oleh MBI adalah muktamad.
- Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui emel kepada [rpf\\_enquiries@mbiselangor.com](mailto:rpf_enquiries@mbiselangor.com) bermula dari tarikh iklan ini dikeluarkan sehingga jam 7.30pm 29 Mac 2016. Pertanyaan hanya boleh dibuat melalui emel. Sebarang kaedah pertanyaan lain tidak akan dilayan.
- Borang yang lengkap diisi dan ditandatangani oleh pemohon hendaklah didepositkan ke dalam Kotak Kertas Cadangan sebelum atau pada jam 12:00pm, Rabu, 30hb Mac 2016 di alamat berikut:

**Communication Corporation Sdn Bhd**  
Tingkat 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,  
No 1, Persiaran Akuatik 13/43  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan



## Musim panas kering

## Bekalan air Selangor mencukupi

OLEH HAFIZAN TAIB

**TANJONG KARANG** - Semua empangan di Selangor ketika ini mencatat bacaan melebihi 70 peratus dengan masalah kekurangan air tidak berlaku di negeri itu.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata Kerajaan Negeri melakukan pelbagai usaha supaya masalah kekurangan air dialami sebelum ini tidak berulang.

"Hampir semua empangan di Selangor mencatatkan bacaan melebihi 70 peratus berbanding negeri lain mencecah hanya lebih kurang 30 peratus.

"Ia ekoran kita belajar daripada apa berlaku pada 2014, maka tahun lalu kita berjaya mengahunginya dengan baik dan penggunaan strategi sama diteruskan tahun ini," katanya kepada media di sini, 21 Mac lalu.



Zaidy Abdul Talib

Zaidy berkata, antara proses dilakukan Kerajaan Negeri adalah melepaskan air di empangan dengan cermat ke setiap kawasan dan operasi pembenihan awan dimulakan awal tahun lalu diteruskan setiap hari hingga kini.

Katanya, pendekatan lain adalah Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) menerusi kolam takungan yang mengum-

pulkan air dari sungai disalurkan pada musim tengkujuh untuk digunakan pada musim kering.

"Projek mitigasi 2 diusahakan juga sudah siap apabila kita agihkan air dari Sungai Selangor ke kawasan seperti Kajang, Petaling dan Shah Alam.

"Selain itu, kita turut men-

jalankan 'interbasin transfer' antara empangan Sungai Langat dan Sungai Semenyih yang paras air diimbangkan serta 'interstate transfer' iaitu air daripada Sungai Semantan, Pahang disalurkan ke Sungai Langat.

"Dengan adanya aktiviti sebegini, maka setakat ini tiada

masalah dan semuanya masih dalam kawalan," katanya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan bacaan empangan di Selangor, orang ramai boleh melayari laman sesawang Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) : <http://www.luas.gov.my/>



## Kurangkan aktiviti luar, jaga kesihatan



**PETALING JAYA** - Orang ramai disarankan menjaga kesihatan ketika menghadapi fenomena panas terik dengan mengurangkan aktiviti luar.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata cuaca panas dicatatkan sekitar 37 hingga 40 darjah celsius mendedahkan bahaya kesihatan terutamanya bagi kanak-kanak.

"Hadkan aktiviti di tempat terbuka terutama bagi warga emas, kanak-kanak, mahupun mereka yang perlu bekerja tengah panas kerana kesihatan perlu diutamakan.

"Dinasihatkan supaya orang ramai memperbanyakkan minum air kosong tanpa perlu menunggu rasa dahaga," katanya pada Majlis Sambutan Hari Wanita DUN Seri Setia, di Pangsapuri Desa Mentari, di sini, 20 Mac lalu.

Pada masa sama, Daroyah berkata, ibu bapa perlu memainkan peranan memantau aktiviti anak-anak mereka dengan mengurangkan aktiviti di luar serta mendapatkan rehat secukupnya.

Malaysia dilanda fenomena cuaca panas ketika ini dan dijangka akan berkurangan pada penghujung Mac 2016 ekoran musim peralihan yang membawa lebih banyak hujan dan ribut petir pada lewat petang.

**Hadkan aktiviti di tempat terbuka terutama bagi warga emas, kanak-kanak, mahupun mereka yang perlu bekerja tengah panas kerana kesihatan perlu diutamakan. Dinasihatkan supaya orang ramai memperbanyakkan minum air kosong tanpa perlu menunggu rasa dahaga**

**DR DAROYAH ALWI**  
Exco Kesihatan

## Aktiviti penanaman padi tidak terjejas

**TANJONG KARANG** - Kerajaan Negeri menjalankan pemantauan rapi berkenaan isu bekalan air untuk pertanian ekoran keadaan cuaca panas dialami ketika ini.

Bagaimanapun, Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata tiada masalah kekurangan air dihadapi ekoran bekalan air di Selangor mencukupi.

"Kita memang menjalankan pemantauan berkenaan situasi berlaku kini dan melihat sejauh mana cuaca panas itu memberikan kesan kepada petani.

"Setakat ini kita hanya memberikan bantuan input pertanian kerana masalah air belum lagi mendesak," katanya selepas Program Peningkatan Hasil Padi dan Penyerahan Bantuan Baja Mikrob di sini, 20 Mac lalu.

Pada masa sama, katanya, keadaan dihadapi kini perlu diberi perhatian serius ekoran ia sedikit sebanyak mungkin memberi kesan.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor serta Jabatan Pertanian Negeri perlu memainkan peranan berkesan menerusi pengagihan air secara

terbaik.

"Seperti mana kawasan di sini, sungai berhampiran menyalurkan air adalah Sungai Bernam, maka kita ingin melihat kebarangkalian untuk membuat program atau projek sebagaimana kita lakukan di Sungai Selangor dengan Hybrid Off River Augmentation System (HORAS).

"Ia konsep kolam takungan dari sungai pada musim tengkujuh untuk digunakan kembali pada musim kering dan dikira wajar kita mengenal pasti fasa dan juga tanah sesuai bagi dibangunkan kolam sebegini," katanya.

## Tanda - tanda awal STROK HABA

Strok haba atau dikenali sebagai 'Heat Stroke' berlaku apabila sistem tubuh badan tidak dapat mengawal secara normal. Badan akan mengalami kenaikan suhu mendadak selain turut mengalami kegagalan berpeluh. Suhu badan individu yang mengalami strok haba selalunya akan naik sehingga 41°C atau lebih dalam masa 10 hingga 15 minit. Malah, strok haba sekiranya tidak dikawal boleh menyebabkan kematian atau hilang keupayaan kekal.

- 1 Kerap sakit kepala
- 2 Mudah hilang fokus
- 3 Lidah menjadi bengkak
- 4 Suhu badan melebihi 39°C
- 5 Nadi berdenyut laju
- 6 Tekanan darah rendah
- 7 Badan lesu dan kerap pengsan
- 8 Badan tidak berpeluh
- 9 Kulit kering dan kemerah-merahan

Sekiranya anda mengalami tanda-tanda ini, anda disarankan berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan



## Perladangan bunga beri pulangan memuaskan



Lourdes



Waspawati M Hashim

**SHAH ALAM** - Industri florikultur diyakini mempunyai pasaran luas dan mampu memberi pulangan memuaskan.

Pemilik Santhana Enterprise, Lourdes, berkata bidang itu sudah terbukti menjamin pendapatan tetap bagi mereka yang benar-benar berminat.

"Permintaan kepada tanaman terutama hidroponik sayuran sentiasa ada dan semakin meningkat dari masa ke masa, malah bidang seperti rekaan landskap laman juga semakin mendapat tempat dan berkembang pesat," katanya kepada SelangorKini.

Berpengalaman berbelas tahun, pengurus Firna Landscape, Mohd Fozi Kasim, berkata bidang florikultur juga berkembang rapat dengan 'trend' semasa.

"Sepertimana dianjurkan

Jabatan Pertanian, sekarang permintaan kepada tanaman berupa sayuran juga semakin meningkat.

"Jadi, kita harus sentiasa peka terhadap permintaan ramai," katanya yang menjuarai Pertandingan Landskap Booth Pameran Terbaik.

Sementara itu, Pengurus Aquascape Paradise, Waspawati M Hashim, berkata florikultur tidak hanya tertumpu kepada tanaman atas tanah sahaja.

"Kami terlibat sepenuhnya dengan akuarium landskap yang melibatkan tanaman hidup di dalam air.

"Bidang ini masih baru di sini namun tetap ada penggemar tersendiri, malah kami mempunyai penggemar daripada luar negara seperti Filipina untuk berkongsi informasi berkenaan akuarium landskap," katanya.

## Hasil pengeluaran tanaman hiasan RM11 juta

**SHAH ALAM** - Selangor menghasilkan sebanyak 2.4 juta pokok bunga dan tanaman hiasan dengan nilai pengeluaran RM11 juta sepanjang 2015.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata statistik dikeluarkan Jabatan Pertanian Selangor itu juga menunjukkan daerah Gombak dan Petaling menghasilkan jumlah tertinggi melebihi 870,000 tanaman dengan nilai RM3.9 juta.

"Sebahagian besar daripada jumlah itu disumbangkan Hab Bunga Sungai Buloh dengan 333,552 pokok bernilai RM1.6 juta.

"Kawasan ini juga adalah pembekal utama bahan tanaman bunga dan hiasan kepada peserta MAHA yang diadakan dua tahun sekali di Serdang," katanya ketika merasmikan Karnival Florikultur Selangor 2016 di Kampung Melayu Sungai Buloh di sini, 19

**Sebahagian besar daripada jumlah itu disumbangkan Hab Bunga Sungai Buloh dengan 333,552 pokok bernilai RM1.6 juta**

**ZAIDY ABD TALIB**  
Exco Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

Mac lalu.

Berdasarkan data agrisgeoportal 2015, Selangor memiliki seluas 300 hektar kawasan industri florikultur dengan penglibatan 249 usahawan.

Keluasan kawasan di Gombak dan Petaling sahaja adalah seluas 120.15 hektar dengan 127 usahawan.

Daripada jumlah itu, seluas 35.65 hektar terletak di Hab Bunga Florikultur Sungai Buloh dengan 66 usahawan.



RMK11 di Selangor

# RM2.18juta bangunkan industri florikultur

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM2.18 juta diperuntukkan bagi membangunkan industri florikultur dalam Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11) di Selangor.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata peruntukan itu khusus bagi program pembangunan dari 2016 sehingga 2020.

"Jika dilihat dari peruntukan itu, ia menunjukkan Kerajaan Negeri amat mengambil berat

pembangunan industri ini.

"Selari dengan kepesatan Selangor sebagai negeri maju, potensi dan prospek florikultur mempunyai peluang dan masa depan cerah," katanya pada Majlis Perasmian Karnival Florikultur Selangor 2016 di Kampung Melayu Sungai Buloh di sini, 19 Mac lalu.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Padi Tanaman Industri dan Florikultur Jabatan Pertanian Malaysia, Halimi Mahmud, Pengarah Pertanian Selangor, Mohamad Idrus Ab. Hamid dan Pemangku Pegawai Daerah Gombak, Shahrul Ezad Samsudin.

Pada masa sama, Zaidy berkata, Kerajaan Negeri berhasrat melahirkan lebih ramai usahawan bidang itu menerusi pelbagai program di bawah seliaan Jabatan Pertanian.

"Antaranya Program Pembangunan Bunga-bunga dan Tanaman Hiasan, siri latihan kepada usahawan selain menggalakkan inovasi dan penggunaan teknologi terkini.

"Antara kaedah terkini adalah pembenihan dan pembiakan tanaman hiasan secara kultur tisu dan juga semaian keratan di dalam 'sauna house,'" katanya.

## Pertanian bandar atasi kos sara hidup

**SHAH ALAM** - Jabatan Pertanian Selangor giat mempromosi pertanian bandar dalam usaha membantu rakyat menghadapi kos sara hidup.

Pengarahnya, Mohamad Idrus Ab. Hamid, berkata orang ramai digalakkan mengaplikasikan konsep laman dapur dan 'edible landscape' di kediaman mereka.

Katanya, menerusi konsep itu, rakyat bukan sahaja dapat menanam tanaman hiasan, malah berpeluang mengintegrasikan landskap taman dengan tanaman

sayuran dan herba.

"Harga barangan keperluan seperti makanan semakin meningkat, justeru alternatif penanaman tanaman sayuran dapat memanfaatkan rakyat dari segi penjimatan dan kesihatan.

"Malah, jika terdapat lebihan, mereka juga berpeluang menjana pendapatan," katanya ketika Majlis Perasmian Karnival Agrikultur Selangor 2016 di Kampung Melayu Sungai Buloh, di sini, 19 Mac lalu.

Pada masa sama, Idrus berkata, penjenamaan Kampung Melayu Sungai Buloh sebagai Hab Bunga Selangor diyakini mampu melonjakkan kawasan itu sebagai tumpuan utama industri florikultur.

"Diharap ia dapat menjadi tumpuan kepada peminat landskap, bunga-bunga dan tanaman hiasan di Selangor seterusnya menjadi tarikan kepada pengunjung dari dalam dan luar negeri untuk berbelanja di sini," katanya.



Pembukaan AEON Shah Alam

# Jana 5,000 peluang pekerjaan

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pembukaan AEON Shah Alam mampu menjana lebih 5,000 peluang pekerjaan seterusnya merancakkan ekonomi di Selangor.

Pengerusi AEON Co. (M) Berhad (AEON Malaysia), Datuk Abdullah Yusof, berkata sejak rangkaian pusat membeli-belah itu beroperasi ia membantu memodenkan industri peruncitan di negara ini.

Katanya, kos pembinaan AEON sebanyak RM445 juta itu memberi peluang kepada peniaga industri sederhana memperkenalkan produk.

AEON Shah Alam adalah pusat membeli-belah ke-25 dan cawangan ke 31 di Malaysia.

Dibina atas tanah seluas 18.7 ekar, bangunan tiga tingkat itu turut dilengkapi perkhidmatan peti simpanan sejuk percuma dan 2,500 tempat letak kenderaan.

Memiliki ruang perniagaan seluas 1.5 juta kaki persegi, AEON ini menempatkan sejumlah 160 jenis perniagaan jenama antarabangsa dan tempatan.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafudin Idris Shah berke-

**Di AEON kami mempunyai matlamat untuk menjadi tempat bukan sekadar lokasi membeli belah**

**ABDULLAH YUSOF**  
Pengerusi AEON

nan mencemar duli ke perasmian AEON Shah Alam pada 22 Mac lalu yang bercirikan gabungan konsep seni bina Islam dan Jepun.

Hadir sama, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

"Di AEON kami mempunyai matlamat untuk menjadi tempat bukan sekadar lokasi membeli belah.

"Setiap darinya menawarkan hanya terbaik daripada segi makanan, fesyen, aktiviti komuniti, pengalaman membeli-belah dan hiburan," katanya.

AEON Shah Alam itu adalah rekaan mercu terkini hasil inspirasi mercu Masjid Negeri iaitu Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



# PAMERAN HARTA TANAH BUMIPUTERA (SELANGOR) 2016

Bermulanya hidup baru dengan memiliki rumah impian

**JOM BELI RUMAH!**

- ◆ **26-27 MAC 2016**
- ◆ **11.00 PG. - 7.00 MLM.**
- ◆ **SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)**

DIANJURKAN OLEH:



PEMAJU BERWIBAWA



\*Ditawarkan oleh pemaju perumahan yang terpilih sahaja


[www.bpex.com.my](http://www.bpex.com.my)

**Bumiputera Property Exhibition**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**03 4142 1151**

- \* Rebat menarik menanti anda
- \* Wang pendahuluan yang rendah
- \* Percuma yuran guaman







**SEMUA DIJEMPUT  
HADIR**

**KARNIVAL**

# Kampungku Kesayanganku

"Smart Selangor, Maju Sejahtera"

**KLANG**

**25-26 MAC 2016**

**MASJID AL-BAKRI  
KG. BUKIT NAGA**



YB Dato' Dr.  
Ahmad Yunus Bin Hairi  
EXCO Kerajaan Negeri

YAB Dato' Seri  
Mohamed Azmin Bin Ali  
Dato' Menteri Besar

YB Shuhaimi Bin Shafiei  
ADN Sri Muda

**KAYUHAN KAMPUNGKU  
KESAYANGANKU  
BERSAMA YB EXCO**



**KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA YB  
DATO' DR. AHMAD YUNUS HAIRI DAERAH KLANG**

**PERTANDINGAN** mewarna • cipta kad 2D • seni khat  
• gubahan sirih junjung • masakan tradisional • kuih tradisional

**AKTIVITI** sukaneka • meneroka angkasa  
• memamah tradisional • suppa duppa

**MAJLIS PERASMIAN 3K & FORUM PERDANA 3K**

**TAHNIK & SEMBANG SANTAI HD**

**AKAD NIKAH PERDANA**

**KLINIK** "Wudhuk Sempurna, Jimat Air"

**GERAI** Pameran dan Jualan

**KENDURI RAKYAT**

Maklumat Lanjut hubungi

**03 3371 1963**

**PERCUMA!!**



**TUKAR MINYAK HITAM**

**GUNTING RAMBUT**



**RAWATAN MUKA  
& DANDANAN  
RAMBUT**



Ust. Mohammad  
Ramzi Ishak  
moderator

Ustaz  
Nik Bakri  
Sabtu



Ustaz Harryanto  
Rizal Rokman

PU Hafiz



Tuan Mohd  
Hairudin  
Abd. Rahim  
Jumaat

**Forum Perdana**  
"Muafakat membawa Berkat"

**Kuliah  
Maghrib**



Dr. Mir  
Hazil

Ustaz  
Amir  
Hufaz

Ustaz  
Mohd Faryzan  
Subkhi

**"Hijrah Diri"  
Sembang  
Santai**



Anjuran: Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam,  
Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi





01



02



03



06



05



04



07



08



09

- 01** ADN Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong menyambut Hari Wanita Sedunia di Kampung Air Panas, Kerling
- 02** ADN Taman Templer, Zaidy Abd Talib berkunjung ke gerai jualan peserta dalam Karnival Florikultur di Sungai Buloh
- 03** ADN Sri Muda, Shuhaimi Shafiei meraikan mantan Ketua Kampung, Ahli Majlis, Pengerusi PeBT, Penelia PWB, Koordinator Pembangunan Modal Insan
- 04** ADN Taman Medan, Haniza Talha berkesempatan melawat pesakit strok di DUN berkenaan
- 05** ADN Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad melancarkan Program Robotik Selangor 2016 bertempat di Creative Minds Laman Seri, Shah Alam
- 06** ADN Semenyih, Datuk Johan Abd Aziz menyampaikan hadiah dalam Kejohanan Takraw Piala Adun Semenyih di Taman Asa Jaya
- 07** ADN Balakong, Ng Tien Chee berjumpa wakil Portman College berkenaan biasiswa ditawarkan kepada pelajar
- 08** Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin menyampaikan baucar Jom Shopping kepada peserta program itu
- 09** ADN Dusun Tua, Razaly Hassan menyertai aktiviti gotong-royong membina rumah dan menebang pokok tumbang di Kampung Sungai Lui



## Membangun Smart Selangor Yang Peduli

Lonjakan menuju *Smart State*

## Q&amp;A

**K**erajaan Negeri mempunyai visi membangunkan Selangor sebagai Smart State bertaraf dunia. Untuk merealisasikannya, Majlis Perundingan Smart Selangor diwujudkan bagi menyediakan kerangka dan hala tuju ke arah itu.

Inisiatif itu dimulakan dengan peruntukan RM10 juta bagi tempoh tiga tahun seperti dibentangkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali semasa Belanjawan Selangor 2016.

Malah, gagasan Smart Selangor itu kini menampilkan hasil apabila pelbagai inisiatif baru diwujudkan ke arah pembangunan yang peduli rakyat.

Smart Selangor dijadikan langkah memacu Selangor ke tahap lebih baik daripada segi pencapaian, perkembangan ekonomi dan kualiti kehidupan.

Ikuti wawancara eksklusif bersama Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor, **DR FAHMI NGAH** oleh Wartawan, **NORHAYATI UMOR**.

**Kerajaan Negeri pimpinan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menekankan agenda Smart Selangor dalam pentadbirannya. Malah agenda itu juga dijadikan tema Belanjawan Negeri. Boleh Dr ulas berkenaan perkara itu?**

Smart Selangor disebut dalam Belanjawan 2016 pada Oktober lalu sebagai suatu cetusan baru YAB Dato' Menteri Besar untuk memacu Selangor ke tahap yang lebih baik.

Tempoh tiga tahun diberikan untuk memperkenalkan beberapa rancangan perintis baru untuk dilaksanakan kepada rakyat berdasarkan penggunaan teknologi baru untuk mencapai hasrat Smart Selangor.

Selangor perlu mendakap konsep Smart Selangor ini kerana mahu atau tidak, Selangor sedang berdepan dengan arus urbanisasi yang dijangka semakin bertambah dalam tahun-tahun mendatang.

Trend ini akan terus berlaku apabila

ramai rakyat yang berpindah ke negeri ini berbanding negeri lain dan juga terdapat ramai rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air, terutama sekali kerana peluang ekonomi lebih berpusat di sini.

Keadaan ini akan dirangsangkan lagi dengan kewujudan beberapa infrastruktur baru yang bakal dijayakan Kerajaan Persekutuan seperti 'High Speedrail' dari Singapura ke Kuala Lumpur.

Ini semua akan melebarkan lagi bilangan penduduk kelas menengah yang ada di negeri ini. Golongan ini lebih banyak keperluan dan permintaan. Jadi, selaku sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita harus menyediakan kaedah pengurusan rakyat yang lebih baik.

#### Visi dan misi merealisasikan Smart Selangor

**Apakah visi dan misi dalam usaha mencapai Smart Selangor dan ciri-ciri melayakkan Selangor menjadi Smart State?**

Smart Selangor bukan sekadar projek IT (Information Technology) mahupun inisiatif hijau (Green) semata. Ia adalah gabungan beberapa perkara untuk membolehkan manusia berinteraksi dengan perkakasan atau sistem dengan lebih berkesan.

Sebagai contoh kita perlu menggunakan teknologi mengesan (*sensors*) yang lebih baik untuk 'data acquisition' bagi mendapatkan data

**Misi utama yang mahu dicapai dalam Smart Selangor adalah menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, menambah peluang pekerjaan, memelihara alam sekitar dan menambahkan kualiti kehidupan untuk rakyat**

dan maklumat. Kemudian, data itu akan dipancar (*transmit*) kepada suatu sistem menganalisa data (*big data analytics*) supaya suatu respon yang berkesan dapat dibuat.

Gabungan *sensors*, *transmission* dan *big data analytics* ini dicapai menerusi penggunaan 'Internet of Things'. Selangor mahu menerajui penggunaan teknologi ini untuk mencapai Smart Selangor yang lebih baik untuk rakyat.

Misi utama yang mahu dicapai dalam Smart Selangor adalah menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, menambah peluang pekerjaan, memelihara alam sekitar dan menambahkan kualiti kehidupan untuk rakyat.

Misi ini dapat dicapai dengan menggunakan 'Internet of Things' yang disebut tadi.

#### Boleh terangkan beberapa projek perintis sedang dilaksanakan?

Ada beberapa inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh pentadbiran Selangor, contohnya penggunaan aplikasi untuk melaporkan masalah sampah. Sampah menjadi rungutan terbesar rakyat ketika ini dan ia boleh diperbaiki menerusi konsep kerjasama dengan rakyat (*mass collaboration*).

Rakyat boleh bekerjasama dengan kerajaan dengan menerusi penggunaan *App* (aplikasi telefon pintar) untuk melaporkan longgokkan sampah kepada sebuah pusat aduan yang dipunyai Kerajaan Negeri. Pusat aduan ini pula boleh memastikan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terbabit akan melaksanakan khidmat pembersihan dengan segera.

**i** Jika ada sebarang pertanyaan atau cadangan berkenaan Smart Selangor, boleh diemailedkan terus kepada [info.osea@gmail.com](mailto:info.osea@gmail.com)

Dengan kerjasama sebegini, rakyat akan dapat merasakan bahawa Kerajaan negeri kini lebih peka dan responsif dengan keperluan rakyat.

Aplikasi yang dicadangkan ini boleh juga dipanjangkan untuk melapor masalah jalan berlubang, longkang tersumbat dan lampu isyarat lalu lintas yang tidak berfungsi.

#### Jadi sehingga kini, aduan rakyat masih disalurkan kepada nombor telefon Menteri Besar?

Ya. Walaupun tindakan ini memang berkesan, namun, tidaklah boleh kita terus biarkan Dato' MB yang kini menjadi *Smart Processor* untuk menyelesaikan masalah ini. Nombor itu masih ada tapi tiba satu peringkat ia perlu diambil alih suatu sistem baru yang lebih berkesan.

#### Apakah sistem itu dan bagaimana perancangannya setakat ini?

Perancangan sudah ada. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") diminta untuk menilai proses bagaimana kita mahu mendapatkan aplikasi dan sistem itu dengan cara paling baik dengan kos berpatutan dan munasabah.

#### Pelaksanaan Smat Selangor

#### Sejak diperkenalkan, sejauh manakah pelaksanaannya?

Sewaktu di retreat exco baru-baru ini, ahli mesyuarat di peringkat Kerajaan Negeri bersetuju dengan keperluan untuk Smart Selangor. Ianya perlu untuk memacu Selangor ke tahap yang lebih tinggi dan sesuai dengan visi menjadikan Selangor sebagai *Smart State*.

Kerajaan Negeri sedang menilai penubuhan sebuah 'delivery unit' sepenuh masa yang dipertanggungjawabkan untuk merangka program perintis Smart Selangor dan memastikan kelangsungan program terbabit.

Kita juga akan merangka sebuah 'blue print' atau pelan







induk jangka panjang yang lebih besar seiring dengan program perintis (*quick win pilots*) ini. App, penubuhan pusat aduan dan pengenalan beberapa inisiatif untuk memperbaiki sistem pengangkutan dan sistem keselamatan akan diperkenalkan menerusi projek perintis ini. Dato' Menteri Besar mahu melihat hasil projek perintis ini dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan.

Kita melihat Smart Selangor ini bukan hanya sebagai projek mega tetapi kita melihat inisiatif

ini untuk menyelesaikan masalah rakyat menerusi penggunaan teknologi. Dengan cara itu, masalah dapat diselesaikan dengan kesan terus kepada rakyat.

#### **Manfaat Smart Selangor kepada penduduk luar bandar**

**Bagaimanakah Kerajaan Negeri mahu meyakinkan rakyat khususnya penduduk luar bandar manfaat Smart Selangor yang mungkin tidak difahami?**

Kita melihat begini, Selangor mempunyai campuran penduduk bandar, luar bandar dan pertengahan bandar. Di peringkat bandar dan pertengahan bandar kita faham keperluan itu memang ada dan begitu mendesak.

Daripada interaksi kita dengan pihak PBT, saya dimaklumkan bahawa masih ada beberapa tempat di luar bandar yang masih menggunakan internet ADSL. Jadi kita melihat keperluan itu sedikit berbeza untuk

**Kita melihat Smart Selangor ini bukan hanya sebagai projek mega tetapi kita melihat inisiatif ini untuk menyelesaikan masalah rakyat menerusi penggunaan teknologi. Dengan cara itu, masalah dapat diselesaikan dengan kesan terus kepada rakyat**

penduduk luar bandar di mana kita merasakan mereka akan lebih memerlukan jaringan internet yang lebih baik dan lebih laju.

Jadi, kita juga sedang berbincang dengan Biro Teknologi Maklumat Negeri untuk memperkasakan infrastruktur seperti penggunaan *fiber-optics* untuk jaringan penduduk luar bandar.

Saya sedih mendengar keadaan beberapa Pusat Siber Rakyat luar bandar yang dibuat daripada rumah kayu yang mana anak-anak kampung berpeluang belajar bagaimana untuk menggunakan internet,

pencetak dan *scanner* yang mana ia juga masih terhad bilangannya.

Adalah lebih baik untuk kita tambahkan infrastruktur yang lebih baik untuk internet yang lebih laju supaya jaringan (*connectivity*) ini dapat diperluaskan.

#### **Bagaimana daripada sudut ekonomi kepada mereka?**

Sudah tentu jika mempunyai internet yang baik, mereka boleh menjana ekonomi melalui penjualan produk tempatan yang dipasarkan secara *online*.

Yang kedua, peluang ekonomi di luar kawasan kampung itu juga mereka dapat tahu. Bila ada perkara ini, ekonomi mereka lebih baik. Sudah terbukti, negara yang mempunyai jaringan internet yang baik akan mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) yang lebih baik.

Dalam contoh negeri Selangor, tanpa Smart Selangor sahaja kita telah menyumbang 22.4% GDP pada tahun 2015. Bayangkan potensi melonjakkan ini ke tahap yang lebih tinggi dengan penggunaan *Smart Technologies*.

**Bersambung...**

**Bahagian 2: Cabaran merealisasikan Smart Selangor**



## 'Roh yang tergantung'



**P**ersoalan hutang perlu diberikan perhatian kerana jiwa orang mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga ia dibayar.

Adakah kita ingin meninggal dunia dalam keadaan berhutang? Adakah kita ingin hidup dalam keresahan akibat hutang? Adakah kita ingin melihat keluarga porak peranda kerana tidak membayar hutang? Oleh itu fikirkanlah dan muhasabahlah diri kita.

Islam mengharuskan seseorang itu berhutang untuk memenuhi keperluan hidup khususnya dalam perkara dharuriyyat (tersangat penting).

Umat Islam pula dituntut mengamal-



kan sikap tolong menolong antara satu sama lain termasuk memberikan bantuan sama ada melalui sedekah ataupun pinjaman bagi meringankan bebanan dan

memenuhi keperluan ditanggung.

Terdapat dua keadaan seseorang yang ingin berhutang;

Pertama: berhutang demi memenuhi keperluan kehidupan.

Kedua: berhutang demi memenuhi tuntutan nafsu

Allah tidak menyukai akhlak orang berhutang apabila pelbagai janji dan jaminan diberikan, namun bila sampai waktu dan ketikanya, dia sengaja lewat-lewatkan bayaran malah lebih memalukan tidak mahu membayar balik.

Islam menganjurkan antara perkara wajib disegerakan di atas dunia ialah membayar segala hutang piutang.

Seseorang tidak melunaskan hutang setelah berkemampuan, akan mendatangkan kesan buruk bukan sahaja di dunia dan di akhirat. Antaranya:

- 1) Bertemu Allah SWT sebagai seorang pencuri.
- 2) Perbuatan lewatkan bayaran hutang adalah zalim.
- 3) Mereka adalah berdosa besar.
- 4) Tidak diampunkan dosa walaupun mati syahid.

**Allah tidak menyukai akhlak orang berhutang apabila pelbagai janji dan jaminan diberikan, namun bila sampai waktu dan ketikanya, dia sengaja lewat-lewatkan bayaran malah lebih memalukan tidak mahu membayar balik.**

5) Rasulullah SAW sendiri tidak menyembahyangkan jenazah orang masih mempunyai hutang.

6) Kehidupan mereka dan ahli keluarga sentiasa dalam ketakutan.

Kita perlu menginsafi beratnya tanggungan dan akibat orang tidak membayar hutang: Justeru,

1. Umat Islam perlu menjadi contoh apabila berhutang maka hendaklah melunaskan pembayarannya.

2. Setiap orang diharuskan berhutang tetapi jangan jadikan hutang sebagai budaya hidup.

3. Islam mewajibkan orang berhutang membayar semula hutang mengikut tempoh perjanjian ditetapkan.

4. Islam mensyariatkan perjanjian hutang piutang ditulis dengan adil dan disaksikan dua orang lain supaya tidak berlaku penipuan.

5. Islam menghendaki orang berhutang berniat melunaskan hutangnya sebelum dia meninggal dunia, supaya Allah memudahkan urusannya melunaskan hutang.

6. Rasulullah SAW mengajar supaya sentiasa berdoa kepada Allah agar dijauh dan dibebaskan daripada belenggu hutang dengan doanya yang masyhur:  
"Ya Allah, sesungguhnya aku mohon perlindungan-Mu dari bebanan hutang dan paksaan dari orang yang memaksa".

### STATISTIK RAKYAT BERHUTANG

NEGARA	PERATUS
Malaysia	68%
Filipina	41%
Singapura	33%
China dan Taiwan	32%
Hong Kong	22%
Indonesia	21%
Jepun	15%

### STATISTIK MUFLIS: 2010 - APRIL 2015

Jumlah keseluruhan: 107,000 individu  
 Umur 35 - 44 tahun : 37,888 individu  
 Umur : 25 - 34 tahun: 23,484 individu  
 Umur: Bawah 25 tahun: 1,469 individu





## KEMPEN KESEDARAN WUDUK SEMPURNA Jimat Air

Diterbitkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu Dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi



# SEMAK DAN BAYAR CUKAI TANAH ANDA SEBELUM 31 MEI 2016 UNTUK MENGELAKKAN DENDA LEWAT

SEMAKAN BOLEH DILAKUKAN DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH YANG  
BERDEKATAN ATAU MENERUSI LAMAN [HTTPS://HASIL.SELANGOR.GOV.MY](https://hasil.selangor.gov.my)  
ATAU MENERUSI mySMS 15888

ANDA MEMILIKI RUMAH?  
KEDAI? HARTANAH  
DI NEGERI SELANGOR?  
ADA CUKAI TANAH YANG  
PERLU ANDA JELASKAN!!

CUKAI TANAH  
**BUKAN**  
CUKAI PINTU

Pembayaran melalui **KAUNTER** di seluruh Negeri Selangor  
seperti:

1. Pejabat Daerah Dan Tanah
2. Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
3. Pihak Berkuasa Tempatan
4. Pejabat Pos Malaysia Di Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan

Pembayaran secara **PERBANKAN INTERNET** hendaklah  
dibayar atas nama / 'payee'

1. Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor ATAU
2. Pejabat Tanah & Galian Selangor



\*Caj penghantaran RM0.15, Caj Penerimaan RM0.20

**Maybank** 2u.com  
making every moment count

**HSBC**  
The world's local bank

**AmBank Group**

**mBF** cards

**RHB**

**CIMB Clicks**

**BANK ISLAM**

Pesanan daripada:





## Penggunaan karbon rendah

# MBPJ laksana pembangunan hijau, mesra alam sekitar

OLEH HAFIZAN TAIB

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melaksanakan pembangunan di kawasan seliaannya dengan memberi penekanan berkenaan penggunaan karbon rendah bagi mewujudkan persekitaran bandar raya hijau dan mesra.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pembangunan itu bersesuaian dengan konsep Kerangka Kerja Bandar Berkarbon Rendah (LCCF) diguna pakai pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Kita memang mengutamakan dengan mengambil beberapa langkah baik ke arah membina bandar raya mampan.

"Pelan pengurusan karbon rendah MBPJ memberi tumpuan kepada kecekapan penggunaan tenaga bagi pembinaan bangunan serta mengurangkan peng-

gunaan bahan seperti elektrik, air dan bahan lain sebanyak 25 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Ia berdasarkan asas kira-kira 11,000 tan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) diguna pada 2014," katanya dalam Majlis Earth Hour Night Walk 2015 anjuran MBPJ dan WWF-Malaysia di Dataran Petaling Jaya di sini, 20 Mac lalu.

Turut hadir, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Pengarah Eksekutif WWF-Malaysia, Datuk Dr Dionysius Sharma dan Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian.

Mohd Azizi berkata, penganjuran acara itu adalah buat kali kedua selepas kejayaan mengadakannya pada tahun lalu.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Menteri Besar dan Kerajaan Negeri atas sokongan dan komitmen ditunjukkan dengan turut serta menyertai program berkenaan.



"Program ini adalah landasan untuk masyarakat global saling berkongsi peluang dan cabaran untuk mewujudkan dunia lebih

mampan.

"Kita gembira bekerjasama dengan WWF-Malaysia dan penaja lain untuk menyer-

tai lebih 7,000 bandar di seluruh 162 negara mengambil pendirian terhadap perubahan iklim," katanya.

## Petaling Jaya capai 99 peratus bandar mampan



**PETALING JAYA** - Tahap kemampanan bandar 99 peratus berjaya dicapai Petaling Jaya melalui keputusan Pengukuran Jaringan Petunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNInets) bagi tempoh 2014.

Datuk Bandar Petaling Jaya (MBPJ), Mohd Azizi Mohd Zain, berkata penilaian itu dibuat berdasarkan komitmennya meneruskan imej dan urus tadbir berkesan bagi mengekalkan persekitaran bandar harmoni dan sejahtera.

"MBPJ berjaya mencapai tahap kemampanan bandar seba-

nyak 99 peratus, tetapi kita masih kekurangan satu peratus dalam aspek keselamatan.

"Justeru, tindakan keselamatan digubal bagi menentukan hala tuju perancangan dan pelaksanaan program ke arah menangani isu keselamatan ini.

"Satu pendekatan secara holistik perlu diambil dengan mewujudkan pelan induk keselamatan secara berintergrasi dan memberi perhatian kepada perspektif yang lebih luas," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2015-

2020 dan Penyampaian Sumbangan Pasukan Keselamatan Kejurangan Petaling Jaya (PKKPJ2016) di Dewan Banquet MBPJ, 17 Mac lalu.

MBPJ sebelum ini turut mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan apabila menerima penganugerahan pihak berkuasa tempatan (PBT) Cemerlang Program Bandar Selamat, Anugerah Bandar Mampan 2014.

Petaling Jaya turut diiktiraf menerusi Pencapaian Konsisten Status Bandar Mampan sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015.

## Pelan Induk Keselamatan kurang kes jenayah

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) giat mengurangkan kes jenayah di kawasan itu menerusi penubuhan Pelan Induk Keselamatan 2015-2020, kata Datuk Bandar Mohd Azizi Mohd Zain.

Katanya, ia tidak terhad kepada usaha menangani ancaman jenayah sahaja, sebaliknya sebagai dorongan ke arah mewujudkan bandar raya lebih makmur dan selamat.

"Kita mengambil kira aspek keselamatan persekitaran di kawasan kejiranan, kawasan lapang, rekreasi, keselamatan infrastruktur, keselamatan siber dan digital serta isu berkenaan kesihatan dan wabak penyakit.

"Pelan ini akan menjadi inisiatif ke arah menyokong dasar Kerajaan Negeri mewujudkan wilayah bandar makmur yang mementingkan aspek keselamatan dan kesejahteraan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2015-2020 di Dewan Banquet MBPJ, di sini pada 17 Mac lalu.

Statistik kadar jenayah mencatatkan Petaling Jaya adalah antara bandar raya paling tinggi mencatatkan kes itu.



**Pelan ini akan menjadi inisiatif ke arah menyokong dasar Kerajaan Negeri mewujudkan wilayah bandar makmur yang mementingkan aspek keselamatan dan kesejahteraan masyarakat**

**MOHD AZIZI**  
Datuk Bandar Petaling Jaya

Justeru, Mohd Azizi berkata, pelan keselamatan itu diharap mampu mengurangkan kadar jenayah daripada berlaku sekali gus keberkesannya boleh memberi manfaat kepada masyarakat.



## Laluan baru lingkaran SILK

# Bantu 40,000 pengguna atasi kesesakan trafik

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**KAJANG** - Pembukaan laluan baru dari Lebuhraya Kajang (SILK) ke Taman Bukit Sungai Long mampu mengatasi masalah kesesakan lalu lintas kepada penduduk setempat.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Mohd Sayuthi Bakar, berkata projek dirancang sejak 2002 itu juga dilihat mampu membara perkembangan positif kepada infrastruktur di kawasan terbabit.

"Ini adalah inisiatif MPKJ mengatasi masalah kesesakan trafik di kawasan ini walaupun prosesnya sukar pada mulanya ekoran Kementerian Kerja Raya menolak permohonan kami pada 2002.

"Alasannya, pengguna boleh menggunakan jalan masuk sedia ada melalui Bandar Sungai Long dan pembinaan projek ini ber-

lakunya peningkatan kos penyelenggaraan lebuhraya.

"Namun, pemaju dan MPKJ secara komited mengemukakan rayuan kepada Lembaga Lebuhraya Ma-



laysia (LLM) untuk pertimbangan dan akhirnya diluluskan pada 28 Januari 2011," katanya selepas merasmikan Majlis Pembukaan Laluan Baru SILK di Taman Bukit Sungai Long, 18 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Hulu Langat Dr Che Rosli; Ahli Parlimen Serdang, Ong Kian Ming; Ahli Dewan Negeri (ADN) Balakong, Ng Tien Chee dan ADN Dusun Tua, Radzali Hassan.

Mengulas lanjut, Mohd Sa-

yuthi berkata, pembukaan laluan itu bakal memberi faedah kepada lebih kurang 40,000 penduduk di kawasan berdekatan.

"MPKJ berharap pembukaan laluan baru ini dapat meningkatkan keselesaan dan kemudahan infrastruktur kepada penduduk setempat terutama di kawasan Bandar Sungai Long dan sekitarnya," katanya.

Laluan baru itu siap dibina pada November lalu dan mendapat surat pengesahan siap sepenuhnya daripada LLM dan pengiktirafan Sijil Kesempurnaan Pembinaan (SKP) awal Mac lalu.

Pembukaan laluan itu dilaksanakan susulan laluan keluar masuk ke Bandar Sungai Long yang melalui Jalang Sungai Long dari Bandar Mahkota Cheras dan Lebuhraya Cheras Kajang tidak dapat menampung pertambahan jumlah kenderaan.



## Benarkan kajian 'u-turn' Jalan Sungai Yong

**KAJANG** - Pihak pengurusan Lebuhraya Lingkaran Kajang Sdn Bhd (SILK) digesa membenarkan proses kajian permohonan pembinaan laluan pusingan U di Jalan Sungai Yong.

Ahli Parlimen Serdang, Ong Kian Ming, berkata ia bagi membolehkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menjalankan kajian berkenaan isu keselamatan di kawasan itu.

"Penduduk mahu laluan pusingan U dibuat supaya mereka tidak perlu membayar tol jika ingin ke Kuala Lumpur, jadi saya bawa

isu ini kepada MIROS supaya mereka boleh buat beberapa kajian keselamatan.

"Tetapi malangnya SILK menolak permintaan itu atas alasan keselamatan dan faktor kemalangan," katanya ketika Majlis Perasmian Pembukaan Jalan dari Lebuhraya Silk ke Taman Bukit Sungai Long, 18 Mac lalu.

Kian Ming berkata, sehingga kini tiada perkembangan positif berkenaannya selepas Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengambil kira beberapa faktor keselamatan pengguna lebuhraya itu.

Katanya, keputusan itu memaksa pengguna membayar lebih harga tol selepas Kerajaan Persekutuan mengumumkan kadar kenaikan baru hujung tahun lalu.

"Penduduk Sungai Long tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa membayar tol pada harga membebaskan pengguna," katanya.

Ketika ini, pengguna lebuhraya SILK melalui Jalan Sungai Yong dikenakan bayaran tol RM1.80 berbanding kadar sebelumnya, RM1.00.

## Pembangunan mampan inisiatif lestari bandar raya

**PETALING JAYA** - "Sustainable Petaling Jaya" 2030 adalah inisiatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjadikan bandar raya itu lebih pesat dan berdaya saing di peringkat global.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pelan itu memberi tumpuan kepada usaha pembangunan mampan jangka panjang dengan menetapkan lima hala tuju pelaksanaannya.

"Kita mahu menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar bersih, hijau dan berkarbon rendah dengan pertumbuhan ekonomi berdaya saing.

"Usaha mewujudkan masyarakat harmoni, selamat dan prihatin juga diteruskan menerusi

program bandar selamat dengan menggalakkan pasukan keselamatan di kawasan kejiranan," katanya pada 17 Mac lalu.

Selain itu katanya, pelan itu juga memberi pendekatan terbuka kepada masyarakat melalui penglibatan dalam komuniti menguruskan hal bandar.

"Kita buka cadangan dan sebarang maklum balas daripada masyarakat untuk memberi idea dalam usaha menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar yang lebih efektif.

"Malah kita juga menggalakkan kehidupan masyarakat 'berdayahuni' melalui pelaksanaan inisiatif bandar mampan yang dilaksanakan sebelum ini," katanya.

## Perubahan laluan trafik Petaling Jaya bakal beri manfaat

**SHAH ALAM** - Perubahan laluan trafik membabitkan beberapa kawasan di sekitar Petaling Jaya bakal memberi manfaat jangka panjang kepada pengguna.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran, berkata Petaling Jaya memerlukan perancangan khusus bagi mengatasi masalah kesesakan di bandar raya itu.

"Sehingga kini pelan itu disambut baik penduduk setempat dan kita tidak menerima sebarang aduan atau bantahan berkeñaannya.

"Pelan ini juga sebenarnya dirangka khas Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bersama penduduk di kawasan terlibat dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak," katanya kepada SelangorKini, 17 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Rajiv berkata, perubahan itu dijangka mengambil masa beberapa minggu bagi membolehkan penduduk



**Pelan ini juga sebenarnya dirangka khas Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bersama penduduk di kawasan terlibat dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak**

**RAJIV RISHYAKARAN**  
ADN Bukit Gasing

setempat menyesuaikan diri.

"Peringkat awalnya mungkin ramai yang tidak ikut pelan laluan baru ini kerana masih belum dapat disesuaikan lagi dengan keadaan itu.

"Tetapi saya yakin dalam tempoh tiga atau empat minggu berikutnya, pengguna jalan raya lain tentunya dapat menyesuaikan diri dengan aliran laluan baru itu," katanya.

Perubahan trafik itu membabitkan kawasan komersial dan perumahan sekitar Seksyen 1 PJ Old Town yang dilaksanakan sejak 16 Mac lalu.



### Arah aliran trafik

- Jalan 1/10 dan 1/19 akan ditukar menjadi jalan sehalu
- Pengguna jalan raya yang ingin ke Jalan 1/14 disarankan melalui simpang pertama di Jalan 1/14
- Jalan Dispensary (Jalan 2/28) dan Jalan 1/18 menjadi jalan sehalu
- Pengguna jalan raya dari Jalan 1/12 yang ingin ke Jalan Othman perlu memasuki simpang selepas Restoran C&S atau selepas Medan Selera Jati



# Shah Alam dipilih jadi lokasi MEDIU

**SHAH ALAM** - Kampus baru bagi Universiti Antarabangsa Al Madinah (MEDIU) kini menunggu kelulusan dari pihak terbabit untuk dibuka.

Ketua Pegawai Eksekutif MEDIU, Prof Dr Mohammad Khalifa Al Tamimi, berkata bangunan baru 14 tingkat itu terletak di Seksyen U1 Prima di Shah Alam.

"Minggu lepas ia diputuskan namun kita menunggu kelulusan sepenuhnya dari pihak terbabit," katanya kepada pemberita pada 21 Mac lalu.

Sebelum ini, Kerajaan Arab Saudi komited menjalin pelaburan dalam sektor pendidikan dengan membangunkan universiti itu di Selangor.

Beliau berkata pemilihan Shah Alam sebagai kampus MEDIU kerana persekitaran dan suasana tenang selain infrastruktur yang baik.

"Itu sebab kita pilih sini. Ia kerana negeri maju, persekitaran istimewa dan berpotensi menjadi bandar ilmu selain prasarana baik.

"Pelajar berasa selesa berada di sini, jadi kita memilih Shah Alam," katanya.

Khalifa berkata universiti itu kini mempunyai pelajar daripada lebih 80 negara yang memfokuskan pengajian pendidikan Islam, bahasa, pentadbiran, kewangan, pendidikan, teknologi maklumat dan kejuruteraan.

Katanya, daripada itu sebanyak 93 program terdiri daripada Diploma hingga Doktor Falsafah (PHD).

"Kita mempunyai tenaga pengajar daripada Jordan, Yaman, Al Azhar dan tempatan. Kebanyakannya terdiri daripada lepasan Mesir," katanya.

Khalifa berkata MEDIU tidak terlibat dalam penyebaran ajaran Syiah atau fahaman Wahabi.

Katanya, silibus pembelajaran universiti itu diluluskan akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Kementerian Pengajian Tinggi.

Universiti terbabit juga berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diterapkan dalam 55 program ditawarkan di peringkat Diploma sehingga Doktor Falsafah (PhD).



## Realisasi negeri pintar

# STEM medium lahir modal insan

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Sebanyak 50 sekolah disasarkan menyertai program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) tahun ini dalam usaha memupuk minat pelajar terhadap bidang terbabit.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ah-

mad, berkata program pertama kali diadakan di negeri itu mampu memberi asas dan kemahiran kepada pelajar.

"Kita mahu memberikan pendedahan kepada pelajar dalam bidang ini selain memupuk minat selaras dengan peredaran masa dan teknologi dunia masa kini.

"Program STEM bertujuan mendedahkan pelajar dari Sekolah

Rendah dan Menengah terhadap pelajaran program pengaturcaraan dan robotik," katanya kepada media selepas merasmikan program STEM di Creative Minds, Laman Seri, di sini, 16 Mac lalu.

Nik Nazmi berkata inisiatif Kerajaan Negeri itu juga bertujuan memberikan kesedaran masyarakat selain mencapai hasrat sebagai negeri pintar.

Seminar

# AGROGEMS

**CARLTON HOLIDAY HOTEL & SUITES SHAH ALAM**  
26 MAC 2016 | 8.00 PAGI - 5.00 PETANG

✓ PELUANG PERNIAGAAN DALAM SEKTOR PERTANIAN  
✓ PROGRAM PENTERNAKAN LEBAH MADU KELULUT

**ANJURAN JAWATANKUASA TETAP PEMODENAN  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Sebarang pertanyaan hubungi : 03-55447965/7922 ATAU 03-55447150/7676

**BAYARAN SAHAJA! RM10**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

- ↳ Berumur 18-40 tahun
- ↳ Warganegara Malaysia
- ↳ Yang sedang menjalankan projek dan yang baru serta berminat untuk membuat projek pertanian/ perternakan
- ↳ Tapak : sendiri/sewa/tiada

MENARIK!

- ✓ Ceramah Motivasi
- ✓ Pembentangan bertajuk "PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN DALAM SEKTOR PERTANIAN"
- ✓ Perkongsian SUCCESS STORY oleh usahawan tani muda

**APA ITU AGROGEMS?**

Program Usahawan Agro Generasi Muda Selangor (AGROGEMS) adalah merupakan satu program memperkasakan dan mewujudkan golongan generasi muda yang berminat untuk melaksanakan projek pertanian



Sambutan baik masyarakat

# Industri nasyid masih segar



OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Elemen lagu nasyid masih mendapat sambutan meluas dalam pasaran muzik tempatan hari ini, malah diterima baik pelbagai lapisan masyarakat.

Ketua Juri Festival Nasyid Peringkat Selangor, Mohammad Razin Che Mud, berkata walaupun nasyid dilihat lama dalam industri muzik tempatan, namun genre itu mula mendapat perhatian ramai khususnya generasi muda.

"Kalau dilihat aktiviti *underground*, program nasyid masih bergerak rancak cuma ia kurang mendapat liputan daripada pihak media.

"Hal itu menyebabkan ma-

sarakat menganggap nasyid semakin pudar dalam seni hiburan sedangkan pertandingan masih banyak dijalankan di peringkat masjid, sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan mereka sering juga dijemput membuat persembahan di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Festival Nasyid Peringkat Negeri Selangor 2016 di SACC Mall, di sini, 19 Mac lalu.

Pada masa sama, Razin berkata, festival itu adalah pentas terbaik apabila diadakan secara terbuka untuk membolehkan masyarakat melihat sendiri perkembangan nasyid.

Katanya, juara pertandingan itu akan mewakili Selangor ke

Festival Nasyid Kebangsaan (FNK) yang berlangsung pada pertengahan tahun ini di Melaka.

"Antara ciri-ciri juara yang dicari adalah kumpulan yang mempunyai pakej lengkap un-

tuk mengekalkan kejuaraan di peringkat kebangsaan kerana sebelum ini Selangor pernah menjuarai kategori moden dan naib johan dalam kategori tradisi," katanya.

Majoriti peserta nasyid yang menyertai pertandingan itu terdiri daripada golongan muda yang memberikan pelbagai inovasi persembahan baru menggunakan elemen lakonan atas pentas.

## Sepuluh kumpulan pamer bakat

**SHAH ALAM** - Sepuluh kumpulan menyertai pertandingan Festival Nasyid Peringkat Selangor 2016 anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bermatlamat menjadikan alternatif media hiburan berunsurkan dakwah.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIS, Mohd Basori Umar, berkata pertandingan itu diadakan secara terbuka dan secara langsung kepada orang ramai di SACC Mall untuk menimbulkan kesedaran masyarakat.

"Kemunculan kumpulan nasyid kebanyakannya disertai anak muda ini menjadi salah satu alternatif kepada masyarakat untuk menjadikan ia medan dakwah.

"Melalui pertandingan ini,

kita cuba menaikkan industri nasyid seperti di negara luar yang melahirkan penyanyi hebat seperti Maher Zain," katanya pada majlis perasmian festival itu di SACC Mall, di sini pada 19 Mac lalu.

Pada masa sama, katanya, pertandingan itu diadakan untuk mencari bakat baru yang boleh dibawa ke peringkat kebangsaan.

"Kita mencari seramai mungkin penyaid dari seluruh Selangor yang mungkin tidak berpeluang diketengahkan supaya dengan kemunculan kumpulan baru ini akan memeriahkan lagi industri hiburan.

"Sebelum ini, kita menjalankan beberapa saringan sebelum mereka dipertandingkan di peringkat akhir," katanya.

## TAMAN PRIMA

### SABAK BERNAM

Jangka Siap  
Disember 2016

**RUMAH TERES DUA TINGKAT**



Harga jualan : Minima RM392,800.00  
Maxima RM558,800.00

Sila hubungi  
**010-239 9922**  
**019-555 6986**



**RUMAH KEMBAR DUA TINGKAT**



Harga jualan : Minima RM558,800.00 Maxima RM604,800.00



**PEMAJU : TELSU DEVELOPMENT (M) SDN. BHD. (157580-T)**  
 PT4752 & PT4753, Tingkat 1, Jalan Sungai Limau, 45300 Sungai Besar, Selangor.  
**Tel : 03-3224 1251 Fax : 03-3224 3007**  
\*No Lesen Pemaju : 11489-3/12-2016/01273(L) \*Tempoh Sah Lesen : 17/12/2014 - 17/12/2016 \*No Permit Iklan & Jualan : 11489-3/12-2016/01273(P)  
 \*Tempoh Sah Permit : 17/12/2014 - 17/12/2016 \*Jenis Hakmilik Tanah : Pemegang Bebas \*Bebanan Tanah (Jika ada): Bebas \*Pelaksanaan  
 Oleh : MDSB Sabak Bernam, Sel \*No Rujukan Pelan : MDSB/OSC/B1/64/2014(PB) \*Tarikh Jangka Siap : Disember 2016



Kupon makanan percuma

# 'Selangor Food Stamp' sasar bantu rakyat termiskin



OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM3 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program 'Selangor Food Stamp' yang memfokuskan kepada usaha membantu rakyat termiskin di seluruh negeri.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata lebih 5,000 keluarga termiskin dianggarkan layak menerima bantuan makanan percuma itu.

"Ia sedang dalam proses untuk dilancarkan dan sekarang mengambil masa sedikit untuk kita mengemas kini segala perancangan serta pelaksanaan selanjutnya.

"Dalam tempoh ini, kita minta setiap DUN senaraikan keluarga termiskin di kawasan masing-masing sebelum layak menerima sumbangan itu setiap bulan," katanya kepada SelangorKini, 16 Mac lalu.

Ia adalah program terbaru

di bawah dasar Smart Selangor yang peduli hal kebajikan rakyat.

Pada masa sama, Daroyah berkata, peserta berkelayakan akan diberi kupon makanan setiap bulan untuk ditebus di pusat khidmat atau pasar raya terpilih dalam program itu nanti.

"Melalui kupon itu, mereka boleh menuntut makanan jenis kering dan kita akan putuskan nanti sama ada di pusat khidmat atau kedai runcit yang dijadikan 'rakan' dalam program ini," katanya.

## PBT perlu inovatif tangani miskin bandar

**PETALING JAYA** - Pihak berkuasa tempatan (PBT) disaran lebih inovatif menyediakan pelan pembangunan menangani masalah kemiskinan bandar, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, masalah itu perlu ditangani sebaiknya supaya taraf ekonomi rakyat dapat ditingkatkan seiring dasar pembangunan diperkenalkan Kerajaan Negeri.

"Masalah kemiskinan bandar hari ini tidak sama seperti lima atau 10 tahun lalu kerana tuntu-

tannya berbeza dan masalahnya juga berbeza.

"Atas faktor ini kita harus bertindak dengan lebih inovatif dan kreatif dalam menyediakan perancangan mengatasi isu itu daripada berpanjangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2015-2020 dan Penyampaian Sumbangan Pasukan Keselamatan Kejurangan Petaling Jaya (PKKPJ2016) di Dewan Banquet Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), 17 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, isu

kemiskinan adalah antara cabaran terbesar di peringkat PBT ke arah melahirkan peratusan kadar sifar kemiskinan bandar seluruh Selangor.

Justeru, bagi merealisasikan komitmen itu katanya, beberapa pendekatan realistik boleh dilaksanakan dengan memberi penumpuan terhadap aspek ekonomi rakyat termiskin.

"Usaha itu boleh dilaksanakan dengan memberikan peluang pekerjaan, bantuan perumahan mampu milik dan tumpuan terhadap isu keselamatan," katanya.

## Inisiatif Kerajaan Negeri kurang beban rakyat



Norah Mansor



Hamzah Harip

**SHAH ALAM** - Inisiatif Kerajaan Negeri memperkenalkan program 'Selangor Food Stamp' untuk membantu rakyat termiskin di Selangor diterima baik banyak pihak.

Kakitangan awam, Norah Mansor, berkata langkah itu mampu membantu rakyat yang terkesan dengan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Katanya, ia turut mengambil kira bebanan dan tekanan ekonomi di bawah kegagalan pentadbiran Putrajaya.

"Memandangkan taraf dan kos kehidupan semakin meningkat, setidaknya bantuan makanan percuma ini dapat menampung perbelanjaan harian seisi rumah setiap bulan.

"Tentunya beban rakyat yang terkesan dengan GST dapat dikurangkan kerana sejak pelaksanaan cukai ini, harga barangan di pasaran melambung tinggi," katanya kepada SelangorKini, 17 Mac lalu.

Pekerja swasta, Hamzah Harip pula menyifatkan program itu membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan masyarakat termiskin juga berhak menikmati kehidupan lebih baik.

"Komitmen dan galakan daripada Kerajaan Negeri untuk



Norhaisyam

membantu rakyat termiskin tidak pernah terhenti, malah banyak program kebajikan dilaksanakan bagi memastikan golongan ini tidak tercicir dan sentiasa dibantu," katanya.

Sementara itu, Norhaisyam Ahmad Zaiton pula menyarankan supaya skim itu menetapkan paras gaji minima tertentu bagi kelayakan golongan penerima bantuan terbabit.

"Keberkesanan program ini sebaiknya diperluaskan lagi melalui peruntukan lebih besar dan tidak terhad kepada sebulan sekali.

"Mungkin juga ia boleh dipertingkatkan secara menyeluruh kepada rakyat berpendapatan RM2,000 ke bawah pula selepas ini," katanya.

## Sertai PWB jana pendapatan tambahan



**SERI SETIA** - Golongan wanita disarankan terlibat sama dalam program anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) bagi meningkatkan pendapatan dan ekonomi keluarga.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata pelbagai program diwujudkan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pendapatan keluarga tatkala ekonomi negara berdepan cabaran.

"Aktiviti dilaksanakan berlandaskan ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti program masakan, jahitan dan kraf tangan untuk dimanfaatkan dalam kehidupan seharian serta memberdayakan wanita," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sambutan Hari

Wanita anjuran PWB DUN Seri Setia di Padang Permainan Desa Mentari, Petaling Jaya, di sini, 20 Mac lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri ingin menyaksikan kejayaan wanita di negeri itu dalam menimba ilmu dan pendapatan terus meningkat.

Program Sambutan Hari Wanita diadakan meriah seawal jam 7.30 pagi dengan Senaman Zumba diikuti pertandingan solekan antara ibu dan anak, pertandingan masakan spontan dan pelbagai acara lain.

Turut hadir memeriahkan majlis Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen, Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor, Dr Fahmi Ngah dan Ahli Majlis MBPJ, Halimey Abu Bakar.



Sasaran jangka panjang

# Pasukan UNISEL buru Liga Perdana

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Melayakkan pasukan bola sepak Universiti Selangor (UNISEL) ke peringkat Liga Perdana adalah sasaran jangka panjang Pusat Sukan universiti terbabit.

Pengarah Pusat Sukan UNISEL, Dr Mohd Norazwan A Bakar, ber-

kata perkara itu tidak mustahil dicapai jika usaha gigih dan strategi dijalankan mendapat kerjasama semua pihak.

"Ini cabaran untuk merealisasikan perkara itu, tetapi bagi saya sasaran utama adalah meletakkan UNISEL di tahap seperti dulu iaitu kelompok terbaik dalam Liga KPT.

"Kita dalam proses menuju ke

arah itu dengan meletakkan pemain sedia ada di samping memerlukan beberapa pemain dengan latar belakang sukan baik untuk memasuki UNISEL," katanya kepada SelangorKini, 21 Mac lalu.

Norazwan berkata, selain berhasrat menjulang nama UNISEL ke peringkat lebih tinggi dalam sukan, beliau turut mensasarkan

universiti itu melahirkan atlet cemerlang termasuk aspek akademik.

Katanya, setakat ini UNISEL menawarkan program Diploma Pengurusan Industri Sukan di bawah Fakulti Perniagaan dan program elektif Sarjana Muda Pengurusan Industri yang menawarkan empat elektif sukan.

"Kita lihat di negara barat mereka bukan sahaja handal bermain bola sepak, tetapi pencapaian akademi mereka juga baik.

"Kalau di Malaysia kita lihat Datuk Nicol Ann David, Shalin Zulkifli dan beberapa pemain hoki yang kebanyakannya memiliki pencapaian akademik yang boleh dibanggakan," katanya lagi.



## 32 pasukan sertai kejohanan Badminton Piala Anwar Ibrahim

**AMPANG** - Sebanyak 32 pasukan membabitkan 184 pemain dari seluruh negeri menyertai Kejohanan Badminton Piala Anwar Ibrahim yang dirasmikan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar.

Dalam kejohanan itu, Iwan Sport A Club Badminton dari Hulu Kelang menjadi juara dengan membawa pulang piala kejohanan, medal dan wang tunai RM1,500.

Tempat kedua pula dimenangi Iwan Sport B Club Badminton dengan membawa pulang medal kejohanan dan wang RM1,000.

Manakala tempat ketiga dan keempat dimenangi KEADILAN Cabang Ampang dan ADPRO membawa bersama medal kejohanan dan RM500.

Turut hadir di majlis perasmian itu adalah Lagenda Badminton Negara, Datuk Misbun Sidek dan Datuk Seri Jalani Sidek yang hadir memberi sokongan.

Hadiah disampaikan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diiringi ADN Hulu Kelang, Saari Sungib dan Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Zainol Abidin Mohamed.

## Piala FA: PKNS FC ratah Sime Darby FC 4-0

**SELAYANG** - PKNS FC kini hampir pasti sebelah kaki ke separuh akhir Piala FA apabila meratah Sime Darby FC 4-0 dalam aksi suku akhir pertama di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, 20 Mac lalu.

PKNS FC membawa pulang bekaln selesai tatkala Sime Darby FC dibimbing Abdul Ghani Malik jelas memerlukan keajaiban untuk menterbalikkan keputusan pada aksi kedua di Stadium Hang Jebat, Melaka, 2 April depan.

Separuh masa pertama menyaksikan Sime Darby FC menguasai perlawanan, namun ia tidak bertahan lama apabila gerakan solo Gabriel Miguel Guerra pada minit kesembilan nyaris memberikan gol pendahuluan buat PKNS.

Pelawat yang agresif menyerang akhirnya memecah kebuntuan menerusi gerakan solo Matias Nicholas melepasi kawalan pertahanan Sime Darby dan meledak gol pembukaan pada minit ke-18.

Separuh masa kedua, terjahan keras Roskam ke atas Gonzalo Manuel Soto nyata membawa padah selepas dia dilayangkan kad kuning kedua dan diarah



keluar padang pada minit ke-52.

Situasi ini dimanfaatkan sepenuhnya PKNS FC dan dua minit berselang, tandukan Juan Manuel Cobelli mengandakan kelebihan buat pelawat sekali gus selesai mendahului 2-0 selepas hampir sejam perlawanan berlangsung.

Pelawat terus menambah derita Sime Darby FC menerusi Cobelli yang

meledak gol keduanya dalam perlawanan itu membolehkan PKNS melebarkan jurang kepada 3-0 pada minit ke-78.

Gawang Sime Darby bolos lagi pada minit ke-83, kali ini menerusi rembatan Mohd Nazrin Syamsulbahri untuk menutup malam gemilang PKNS di laman lawan.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
25 MAC - 1 APRIL 2016							
16-23 JAMADILAKHIR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
25 Jumaat	5:50	6:00	7:15	1:22	4:24	7:25	8:34
26 Sabtu	5:50	6:00	7:14	1:22	4:23	7:25	8:33
27 Ahad	5:49	5:59	7:14	1:21	4:22	7:24	8:33
28 Isnin	5:49	5:59	7:13	1:21	4:21	7:24	8:33
29 Selasa	5:48	5:58	7:13	1:21	4:20	7:24	8:33
30 Rabu	5:48	5:58	7:13	1:20	4:20	7:24	8:33
31 Khamis	5:47	5:57	7:12	1:20	4:21	7:24	8:33
01 Jumaat	5:47	5:57	7:12	1:20	4:21	7:23	8:33
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
25 Jumaat	5:52	6:02	7:18	1:24	4:26	7:27	8:36
26 Sabtu	5:52	6:02	7:18	1:24	4:25	7:27	8:36
27 Ahad	5:51	6:01	7:17	1:24	4:24	7:27	8:36
28 Isnin	5:51	6:01	7:17	1:23	4:23	7:26	8:35
29 Selasa	5:50	6:00	7:17	1:23	4:22	7:26	8:35
30 Rabu	5:50	6:00	7:16	1:23	4:23	7:26	8:35
31 Khamis	5:50	6:00	7:16	1:21	4:23	7:26	8:35
01 Jumaat	5:49	5:59	7:15	1:22	4:23	7:25	8:35





## Piala AFC

# Selangor kembali 'hidup' cipta kemenangan sulung

**SHAH ALAM** - Selangor kembali menghidupkan peluang ke pusingan kedua Piala AFC 2016 selepas berjaya mencatat kemenangan sulung menewaskan kelab Bangladesh, Sheikh Jamal Dhanmondi 4-3 pada perlawanan ketiga Kumpulan E di Stadium Nasional Bangabandhu, Dhaka, 15 Mac lalu.

Meskipun dua kali ketinggalan, skuad kendalian Zainal Abidin Hassan bangkit meraih tiga mata penting menerusi gol kemenangan penyerang import dari Argentina, Mauro Olivi pada minit ke-83.

Mengakui kepincangan di barisan pertahanan menyebabkan gawang The

Red Giants dibolosi tiga kali, Zainal berkata, prestasi pasukan perlu diperbaiki sepanjang tempoh rehat selama tiga minggu.

"Kami sebenarnya beraksi di bawah tekanan kerana perlu membawa pulang tiga mata penuh untuk terus menghidupkan peluang dalam saingan Kumpulan E ini.

"Tetapi pemain berjaya bangkit dua kali daripada ketinggalan dan akhirnya mencatat kemenangan.

"Keputusan perlawanan memang penting, tetapi kami perlu melakukan banyak perkara jika mahu bersaing merebut dua tempat teratas," kata Jurulatih Se-

langor itu.

Pada masa sama, pengendali berusia 55 tahun itu turut gembira apabila kedua penyerang importnya, Olivi dan Patrick Ronaldinho Wleh berjaya menemui sasaran dalam perlawanan itu.

"Ia satu petanda baik biarpun banyak lagi perkara perlu diperbaiki, justeru rehat panjang ini diharap kami dapat melakukan persiapan lebih baik dengan beberapa pemain daripada senarai kecederaan akan kembali pulih," katanya.

Baki tiga aksi Kumpulan E membabitkan pasukan Selangor adalah bertemu Sheikh Jamal Dhanmondi di Stadium Shah Alam (12 April), Ceres FC di Stadium Shah Alam (26 April) dan Tampines Rovers di Stadium Jalan Besar (10 Mei).

	P	M	S	K	J	B	Mt
Tampines Rovers	3	2	1	0	6	1	7
Ceres FC	3	1	2	0	5	3	5
Selangor	3	1	1	1	6	6	4
Sheikh Jamal Dhanmondi	3	0	0	3	3	10	0



## Kerjasama UNISEL-Mehmet beri impak positif

**SHAH ALAM** - Kerjasama antara Universiti Selangor (UNISEL) dengan bekas jurulatih Selangor, Mehmet Durakovic dijangka mampu memberi impak positif kepada pembangunan sukan di negeri itu jika ia dilaksanakan.

Pengarah Pusat Sukan UNISEL, Dr Mohd Norazwan A Bakar, berkata idea membawa Mehmet ke UNISEL timbul apabila beliau melakukan kunjungan hormat ke universiti itu sebelum perlawanan akhir Piala Malaysia penghujung tahun lalu.

"Ini peluang baik dan boleh dikembangkan pada masa akan datang, malah cadangan itu boleh dipanjangkan kepada pihak pengurusan jika ia memberi impak baik kepada pembangunan bola sepak di Selangor.

"Apabila ada proses kerjasama khususnya dalam bola sepak, kita berupaya melahirkan seorang pemain yang bukan sahaja cerdas di padang, tetapi mempunyai akademik baik. Itu lebih utama," katanya kepada SelangorKini di kampus utama UNISEL, di sini, 21 Mac lalu.

Pada masa sama, Norazwan berkata, Mehmet adalah jurulatih yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas untuk dimanfaatkan bagi kemajuan sukan di negeri itu.

Katanya, selain melakukan kunjungan hormat, kehadiran Mehmet secara tidak langsung turut membantu mempromosikan program Diploma Pengurusan Industri Sukan ditawarkan UNISEL.

**Peninju Selangor (berbaju merah) memenangi pertandingan tinju peringkat Asean setelah mengalahkan peninju dari Perlis di pusingan akhir. Prospek sukan tinju boleh dikembangkan lagi melalui penyertaan bakat muda.**



## Enam pemain Merah Kuning terlibat tugas antarabangsa

**SHAH ALAM** - Seramai enam pemain Selangor terlibat dalam tugas antarabangsa bersama negara masing-masing minggu ini.

Kapten, Muhammad Shahrom Abdul Kalam bersama Mohd Hafiz Kamal, Muhammad Nazmi Faiz Mansor dan Mohd Azrif Nasrullah Badrul Hisham akan beraksi pada perlawanan Kelayakan Piala Dunia 2018 Russia/Piala Asia 2019 UAE menentang Arab Saudi di Jeddah, pada 24 Mac.

Mereka kemudiannya akan bermain dalam perlawanan persahabatan antarabangsa A menentang Macau pada 29 Mac di Stadium Hang Jebat dan disertai Adam Nor Azlin bagi menggantikan pemain tercedera.

Penyerang The Red Giants, Patrick Ronaldinho Wleh pula akan mewakili Liberia pada dua perlawanan Kelayakan Piala Negara Afrika 2017 menentang Djibouti di Djibouti pada 24 dan 29 Mac di Monrovia, Liberia.

